

**Bil. 16**

**Isnin  
22 April 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 1]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No. 2) 1996

Jawatankuasa:

Jadual—

Maksud B.15 dan B.16	[Ruangan 17]
Maksud B.22, B.23 dan B.24	[Ruangan 20]
Maksud B.25	[Ruangan 25]
Maksud B.26	[Ruangan 32]
Maksud B.28, B.29, B.30 dan B.31	[Ruangan 42]
Maksud B.34	[Ruangan 43]
Maksud B.35, B.36, B.37, B.39 dan B.40	[Ruangan 45]
Maksud B.53	[Ruangan 63]
Maksud B.54	[Ruangan 63]

### USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4) 1995—

Jawatankuasa:

Maksud P.16	[Ruangan 17]
Maksud P.18	[Ruangan 19]
Maksud P.20	[Ruangan 25]
Maksud P.24	[Ruangan 20]
Maksud P.26	[Ruangan 32]
Maksud P.28 dan P.31	[Ruangan 42]
Maksud P.35 dan P.36	[Ruangan 45]
Maksud P.42	[Ruangan 61]
Maksud P.44	[Ruangan 62]
Maksud P.45	[Ruangan 62]
Maksud P.47	[Ruangan 62]
Maksud P.51	[Ruangan 63]
Maksud P.53	[Ruangan 63]
Maksud P.54	[Ruangan 63]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1996—

Jawatankuasa:

Maksud P.25	[Ruangan 25]
Maksud P.49	[Ruangan 62]
Maksud P.48	[Ruangan 63]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat

[Ruangan 48]

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJUL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).

Yang Berhormat DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.S.M., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).
- „ DATO' QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).



- Yang Berhormat TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIOW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

---

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

### CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh
--------------------	--

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 22 April 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang

D O A

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PENDATANG TANPA IZIN  
INDONESIA PULANG KE  
NEGARA ASAL SEMPERA HARI  
RAYA AIDIL FITRI-BILANGAN

1. **Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai pendatang tanpa izin dari Indonesia kembali ke negara masing-masing sempena Perayaan Hari Raya Aidil Fitri 1996 apabila mereka ini dikenakan kompaun sebanyak RM1,000.00 dan apakah tindakan-tindakan Kementerian Dalam Negeri untuk menggalakkan mereka ini pulang ke negara masing-masing tanpa sekatan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, seramai 1,407 orang pendatang tanpa izin dari Indonesia telah membayar kompaun sebanyak RM1,000 seorang untuk pulang ke Indonesia sempena menyambut Hari Raya Aidil Fitri yang lepas.

Kerajaan tidak mengenakan sebarang sekatan terhadap pendatang tanpa izin dari Indonesia ini untuk pulang ke negara mereka. Kompaun yang dikenakan ke

atas mereka adalah tindakan biasa kerana telah melanggar undang-undang imigresen negara ini.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri. Memandangkan rakyat asing yang ada di negara kita ini begitu ramai dan mereka sanggup untuk balik ke negara asal masing-masing, tetapi mungkin terhalang oleh sebab bayaran kompaun yang dikenakan dan kehadiran mereka di dalam negara kita ini memanglah mendatangkan pelbagai masalah. Walaupun kompaun itu adalah wajar oleh kerana telah melanggar undang-undang negara, tetapi bukankah.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, padatkan soalan!

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ya. Tetapi bukankah lebih baik kalau kerajaan memberi galakan mereka keluar tanpa dikenakan kompaun supaya tidak takut, oleh kerana kalau mereka dikenakan kompaun, mereka lebih takut untuk keluar daripada negara ini. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk memberi galakan mereka keluar tanpa dikenakan kompaun?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita ada undang-undang dan asas, jadi prinsip undang-undang itu perlu dihormati. Kalau sekiranya kita ada undang-undang dan kita tidak hendak kuatkuasakan dan kita benarkan pendatang tanpa izin keluar masuk sewenang-wenangnya, maka salah satu implikasinya ialah lebih ramai pendatang tanpa izin akan datang berleluasa, mereka tidak takut lagi kerana tidak ada kompaun, maka mungkin satu juta orang akan masuk selepas ini. Maka itulah implikasinya kita kena teliti.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, seramai 1,407 orang

telah pun dihantar pulang secara rasmi. Persoalannya, bagaimanakah mereka ini ditawarkan untuk pulang sedangkan mereka ini sebenarnya telah melakukan kesalahan? Jadi, apakah kesalahan-kesalahan yang telah dikenal pasti di kalangan 1,407 orang ini yang membolehkan mereka ini didenda sebanyak RM1,000 setiap seorang dan adakah kesalahan itu lebih daripada satu ataupun sebagainya?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, mereka ini didenda sebanyak RM1,000 kerana mereka telah melanggar undang-undang imigresen, seperti mereka ini telah tinggal lebih masa ataupun bekerja tanpa permit kerja yang sah dan ini merupakan satu denda supaya mereka itu sekali gus keluar dan selesaikan masalah itu tanpa didedah kepada tindakan tangkapan oleh polis. Kalau kena tangkap, mereka masuk depoh dan tunggu dakwaan dan sebagainya, mungkin lebih susah. Maka ini merupakan satu kompromi menjelang musim Hari Raya Aidil Fitri di mana mereka itu boleh balik selepas selesaikan bayaran kompaun.

Dari segi penguatkuasaan di Malaysia, kita juga dapat menjimatkan dari segi kewangan dan sumber manusia supaya kalau kita hendak menangkap lebih 1,400 orang itu mungkin perlu lebih banyak masa, bilangan kakitangan imigresen, polis dan juga banyak perbelanjaan wang yang lain. Maka ini satu cara kerajaan fikir pada musim perayaan itulah jadi satu masa yang sesuai.

#### **KLOFFE-SAMBUTAN PARA PELABUR**

**2. Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setelah KLOFFE dilancarkan, bagaimanakah sambutan para pelabur; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementeriannya supaya insiden Barings tidak akan berlaku di negara kita.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak Bursa Niaga Hadapan Kuala Lumpur atau Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange Berhad (KLOFFE) dilancarkan pada 15hb Disember 1995, sambutan daripada pelabur adalah sederhana sahaja. Pada hari pertama pelancarannya, jumlah dagangan untuk kontrak niaga hadapan adalah sebanyak 111 sahaja dan meningkat kepada 415 pada 11hb. Mac 1996 iaitu jumlah dagangan tertinggi yang dicatatkan setakat tarikh tersebut.
- (b) Dalam memastikan peristiwa yang berlaku ke atas Bank Barings tidak berlaku di negara ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah kawalan yang perlu, ini termasuklah:
- (i) peserta-peserta pasaran adalah dikehendaki mematuhi segala kehendak undang-undang di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya, terutamanya kehendak untuk melaporkan kedudukan yang besar iaitu, dengan izin, reportable position. Ini bermakna, selagi telah mencapai sesuatu penjualan yang bersamaan dengan 100 kontrak ataupun lebih, kenalah melaporkan kepada KLOFFE.
- (ii) memastikan supaya pusat penjelasan (clearing house) mengamalkan pengurusan risiko yang cekap dan baik

dan memastikan supaya kesemua panggilan margin dipenuhi oleh peserta pasaran.

- (iii) memastikan bahawa KLOFFE memainkan peranannya sebagai penyelia pasaran dengan berkesan dan mengenakan had kedudukan (position limits), laporan kedudukan serta kehendak-kehendak lain ke atas ahli-ahlinya; dan
  - (iv) memastikan supaya pihak pengurusan peserta pasaran mempunyai kawalan dalam dan pengurusan risiko yang cekap dan baik untuk membolehkan setiap kedudukan yang diambil oleh wakil penjual peserta pasaran itu diawasi oleh pihak pengurusan.
- (c) Tuan Yang di-Pertua, rangka kawal selia itu akan sentiasa dikaji dan disemak dari semasa ke semasa, bagi memastikan keberkesanannya dalam mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diinginkan dalam pasaran niaga hadapan di negara kita.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh KLOFFE selain daripada melakukan "road show" untuk memperkenalkan pasaran tersebut kepada umum untuk memperkenalkan instrumen kewangan niaga hadapan yang lain, selain dari indeks KLCI untuk kita mempertingkatkan lagi kadar penyertaan dan seterusnya kecairan pasaran?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengadakan pasaran bergerak yang telah dilakukan di London dan New York untuk memperkenalkan produk-produk yang

sedia ada di dalam pasaran KLOFFE kita, Securities Commission juga mengadakan kursus-kursus di universiti-universiti bagi penuntut-penuntut yang sudah habis peperiksaan.

Yang kedua, KLOFFE juga sentiasa mengadakan kursus untuk peniaga dalam niaga hadapan.

KLOFFE memang diharapkan dapat menggiatkan lagi supaya jumlah perniagaan itu dapat ditingkatkan lagi supaya option instrument lain mungkin dapat dilancarkan, kalau sekiranya kontrak yang dapat diniagakan pada masa sekarang dapat ditingkatkan sampai 100 kontrak sehari, mungkin pasaran instrument untuk option itu dapat diadakan lagi.

#### **KWSP-PEMBINAAN PERUMAHAN KOS RENDAH DAN SEDERHANA**

**3. Tuan Ho Seong Chang (Kluang)** minta Menteri Kewangan menyatakan sudahkah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melalui anak syarikatnya Malaysia Building Society Bhd. (MBSB) melabur dalam projek perumahan kos rendah dan sederhana. Jika ya:

- (a) berapakah jumlah projek yang sudah dirancang di seluruh negara; dan
- (b) berapakah jumlah projek yang akan dijalankan di Negeri Johor mengikut daerah.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, berikutan arahan Timbalan Perdana Menteri supaya KWSP terlibat dengan penyediaan projek perumahan kos rendah dan sederhana, pada masa ini KWSP sedang giat berusaha mendapat tanah-tanah yang sesuai untuk memulakan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana di Selangor dan di Wilayah Persekutuan.

Di Negeri Selangor KWSP akan mengadakan usahasama dengan syarikat MKN Holdings, Sdn. Bhd untuk membina 10,200 unit rumah kos rendah yang melibatkan keluasan kira-kira 500 ekar di Rantau Panjang, Selangor. Manakala di Wilayah Persekutuan pula KWSP juga sedang berusaha untuk mendapatkan beberapa bidang tanah. Di samping itu, KWSP juga sedang menunggu maklum balas daripada negeri-negeri lain termasuk negeri Johor mengenai peluang untuk membangunkan tanah bagi pembinaan rumah kos rendah.

Kita berharap negeri-negeri yang lain itu dapat mengemukakan maklum balas mengenai tanah-tanah yang dapat diperuntukkan untuk tujuan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila projek perumahan melalui anak syarikat KWSP dilaksanakan, adakah pencaurum KWSP yang belum mempunyai rumah, mereka diberikan keutamaan untuk membeli rumah, dan adakah kerajaan membenarkan pencaurum mengeluarkan lebih daripada 50% caruman mereka untuk tujuan membeli rumah di bawah rancangan ini.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini KWSP tidak mempunyai peruntukan atau kemudahan seperti ini untuk memberikan peluang supaya membeli rumah melalui subsidiary KWSP, manakala subsidiary yang dipunyai oleh KWSP itu ialah MBSB. MBSM ini adalah bertindak sebagai satu syarikat biasa dan akan menyediakan kemudahan (facilities) dan kewangan secara kompetitif dalam pasaran (market), pembelian rumah-rumah itu adalah seperti biasa seperti juga yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat perumahan yang lain. Sama ada KWSP bercadang hendak menambahkan supaya pengeluaran caruman itu ditingkatkan, setakat ini syarat yang diluluskan ialah ahli itu dibenarkan hanya mengeluarkan

30% daripada caruman yang dibuat oleh pencaurum KWSP itu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, KWSP banyak membiayai projek-projek kerajaan dan swasta termasuk yang ditegaskan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi. Adakah benar ura-ura KWSP akan membiayai sebahagian daripada projek janakuasa Bakun tidak lama lagi?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai perkara itu dan sama ada KWSP akan memberi pinjaman kepada Bakun, perkara itu tidak dalam lingkungan soalan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Paul Noutin.

*(Soalan No. 4 - Y.B Tuan Paul Noutin tidak hadir)*

#### TEKNOLOGI KOMUNIKASI DAN TEKNOLOGI PENYIARAN— PERKEMBANGAN

**5. Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Kuala Pilah)** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah badan-badan korporat Malaysia yang terlibat dalam perkembangan teknologi komunikasi dan teknologi penyiaran masa kini yang bergerak dengan pantas melalui Era Satelit; dan
- (b) selain daripada penglibatan yang begitu bagi dan canggih di atas kejayaan Malaysia melancarkan satelit pertamanya iaitu MEASAT 1 ke ruang angkasa, apakah program atau perancangan seterusnya, jika ada bagi negara kita terus bersaing sama dengan negara lain dalam perkembangan Era Satelit.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Binariang Sdn. Bhd., adalah satu-satunya badan korporat yang terlibat secara langsung dalam perkembangan teknologi komunikasi dan teknologi penyiaran melalui satelit.

Sebagai lanjutan kepada sistem MEASAT negara kita akan melancarkan satu lagi satelit untuk MEASAT II pada penghujung tahun ini. Di samping itu, Binariang Sdn. Bhd. bersama-sama dengan beberapa universiti unggul tempatan juga terlibat dengan projek mikro satelit melalui Konsortium Maxstar.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun MEASAT I telah pun dilancarkan, tetapi masih banyak kawasan-kawasan yang tidak dapat diliputi oleh perkhidmatan telefon ini. Apakah masalah yang dihadapi oleh MEASAT dan apakah kita bersedia dari segi tenaga teknikal untuk menghadapi pelancaran MEASAT II?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, MEASAT I dijangka beroperasi pada bulan Julai kalau ikut jadual.

#### PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DI SARAWAK—MATLAMAT

**6. Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong)** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan tentang rancangan untuk mengadakan Program Pembangunan Usahawan di Sarawak mulai pada bulan Julai ini kelak. Apakah matlamat program tersebut dan siapakah sasarannya.

23.4.96

**13. Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong)** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan tentang Skim

Usaha Sama Tulen Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang bertujuan mengukuhkan kerjasama perniagaan antara kaum di negara ini. Setakat ini adakah juga dikenal pasti usahawan bumiputera dan bukan bumiputera dari Sarawak. Jika ada, berapakah bilangannya dan senaraikan nama-nama syarikat tersebut.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Santubong pada 23hb. April, 1996.

Program-program Pembangunan Usahawan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan termasuk Program Pembangunan Vendor, Program Pembangunan Francais, Program Usahawan Tulen, Program Mentor-mentee dan Program Latihan Keusahawanan. Program-program ini adalah merupakan program-program utama di kementerian yang dilaksanakan di seluruh negara termasuklah di Sarawak.

Bagi Program Pembangunan Vendor, kementerian telah mengenal pasti satu syarikat anchor di Sarawak. Perbincangan akan diadakan dengan Kerajaan Negeri Sarawak serta agensi-agensinya di bawahnya untuk mengenal pasti bakal syarikat anchor, institusi kewangan dan juga syarikat vendor yang akan dibangunkan di bawah program ini.

Mengenai Program Francais pula, ada sebuah franchisee Mary Brown Fried Chicken di Miri, dan 6 lagi francais jurujual Singer yang sedang dalam proses.

Untuk Program Pembangunan Tulen pula, ianya merupakan satu program untuk mewujudkan perhubungan dan perkongsian yang rapat dan ikhlas di dalam bidang perniagaan di antara syarikat

bumiputera dan bukan bumiputera. Setakat ini terdapat 12 syarikat usaha sama sedemikian dapat diwujudkan dengan melibatkan 24 buah syarikat yang bergiat di dalam program perkilangan dan perkhidmatan. Pada masa ini masih belum ada syarikat bumiputera atau bukan bumiputera daripada Negeri Sarawak yang terlibat dalam program ini kerana Kementerian sedang menunggu cadangan daripada pihak jawatankuasa di antara Dewan Perniagaan Melayu dan Dewan Perniagaan China untuk melaksanakan program ini di Sarawak.

Sementara itu, pada masa ini terdapat 3 usahawan bumiputera dari Sarawak telah menyertai program mentor-mentee dan bimbingan kumpulan Guthrie Bhd., Edaran Automobile National (EON) dan Land and General Bhd.

Mengenai Program Latihan Keusahawanan, kementerian akan meneruskan program-program seperti berikut—

- (i) Program Usahawan Muda bagi murid sekolah menengah. Pada tahun 1996, kementerian telah memperkenalkan program ini di sepuluh buah sekolah di Sarawak dan melatih seramai 17 orang pengelola.
- (ii) Untuk Program Pembangunan Usahasiswa, bagi mahasiswa institusi pengajian tinggi, ia telah diperkenalkan di Universiti Malaysia Sarawak dengan melibatkan seramai 63 orang pelajar.
- (iii) Program Latihan Perniagaan di peringkat daerah seperti di Kuching dan akan sentiasa bekerjasama bagi menjayakan kursus, seminar dan bengkel anjuran persatuan-persatuan usahawan dan mereka yang akan bakal menjadi usahawan.

## JAWATANKUASA PENYELARASAN PELABURAN— PRESTASI

**7. Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman (Mersing)** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) prestasi Jawatankuasa Khas Pelaburan yang ditubuhkan beberapa tahun lalu; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan asing menjelang tahun 2000 terutamanya yang berteknologi tinggi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein):** Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Khas Pelaburan atau nama sebenarnya Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan telah ditubuhkan pada awal tahun 1980 dan diurusetia oleh Unit Penyelarasan Jabatan Perdana Menteri. Bidang tugas jawatankuasa ini ialah pertamanya untuk menyelaras strategi pelaburan dan pengambilalihan oleh agensi-agensi kerajaan.

Kedua, mengkaji kemungkinan menyatukan Amanah Saham Nasional Bhd. dengan Amanah Saham MARA Bhd.

Ketiga menentukan dasar dan peraturan pemindahan hakmilik saham kerajaan kepada bumiputera.

Jawatankuasa ini telah mengeluarkan satu garis panduan mengenai syarat-syarat pemindahan saham-saham milik kerajaan di mana keutamaan diberikan kepada Permodalan Nasional Bhd. Walau bagaimanapun, jawatankuasa ini telah dibubarkan pada 16hb. Ogos, 1995 kerana kerajaan mendapati tujuan penubuhannya telah tercapai dan kerajaan seterusnya memutuskan supaya semua urusan penswastan termasuk yang dilaksanakan



oleh kerajaan-kerajaan negeri hendaklah melalui Unit Perancangan Ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan asing terutama yang berteknologi tinggi masuk ke negara ini, kerajaan sejak tahun 1994 telah memperkenalkan insentif untuk projek berteknologi tinggi. Bagi insentif ini, para pelaburan diberi pilihan sama ada untuk menikmati pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan berkanun selama lima tahun atau elaun cukai pelaburan pada kadar 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dibelanjakan dalam tempoh lima tahun. Kerajaan telah mengenal pasti 10 jenis industri sebagai industri berteknologi tinggi untuk tujuan pembiayaan insentif ini.

Industri tersebut ialah Elektronik Terkini, Kelengkapan/Sistem Peralatan, Bioteknologi, Automasi dan Sistem Pengilangan Fleksibel, Optic-elektro dan Optik Bukan Linear, Bahan Terkini, Optoelectronic, Kejuruteraan Perisian, Sumber Tenaga Lain dan Ruang Angkasa. Selain daripada intensif tersebut, MITI juga terus mengadakan misi-misi penggalakan pelaburan di luar negara yang bertujuan untuk mendedahkan peluang-peluang pelaburan yang ada di negara ini kepada pelabur-pelabur asing dengan tumpuan diberikan kepada menggalakkan program-program berteknologi tinggi.

Bagi tahun 1995, MITI telah mengadakan 8 misi penggalakan pelaburan, iaitu di China; Amerika Syarikat; United Kingdom dan Austria; Korea Selatan dan Jepun; India; Argentina; Chile, Brazil dan Colombia; Perancis dan Sepanyol; Jepun, Taiwan dan Hong Kong. Bagi tahun 1996, MITI merancang 6 misi penggalakan pelaburan, iaitu ke Amerika Syarikat, Australia, Hungary, Romania, Republik Czech dan Poland;

Hong Kong dan Jepun; Jerman, Switzerland dan United Kingdom dan Amerika Syarikat.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, daripada misi-misi yang telah dijalankan ke beberapa negara untuk tahun 1995, berapakah syarikat yang bercorak hi-tech ini telah melabur atau bermula berapa siri di negara ini, dan apa jangka pelaburan yang akan diperolehi pada tahun ini?

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang terperinci memang tidak ada bersama saya, dan saya perlukan notis. Tetapi tumpuan misi-misi pada tahun ini adalah untuk menarik industri-industri yang berteknologi tinggi. Sebagai contoh, lawatan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kepada Amerika Syarikat yang akan dijadual tak lama lagi, khusus memberi tumpuan kepada meneliti dan mengkaji di Silicon Valley, dengan izin, bagaimana kita dapat menarik dan menggalakkan industri-industri elektronik yang berteknologi tinggi untuk menempatkan kilang-kilang mereka di negara kita.

Mengenai angka-angka yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat, saya akan sampaikan kepada beliau secara bertulis.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita difahamkan bahawa kementerian mempunyai masalah untuk menarik pelaburan asing berkenaan projek berteknologi tinggi. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Yang Berhormat untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang utama yang dihadapi oleh kementerian untuk menarik projek-projek berteknologi tinggi, pertamanya projek-projek berteknologi

tinggi ini memerlukan penglibatan ramai pekerja-pekerja dan tenaga buruh yang mahir. Tidak boleh kita nafikan pada hari ini memang ada kekurangan dari segi tenaga buruh mahir di negara kita. Ini masalah pertama.

Keduanya, masalah yang dihadapi oleh kementerian mengenai industri ini ialah projek-projek berteknologi tinggi, sebagai contoh industri Projek Fabrikasi Wafer perlukan perbelanjaan modal yang begitu tinggi dan perlukan kepada kemudahan-kemudahan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas yang khusus untuk industri tersebut. Bagaimana kita dapat atasi dua perkara ini, mengenai keperluan yang diperlukan, satu-satu caranya ialah untuk mewujudkan tapak-tapak perindustrian yang disediakan untuk teknologi tinggi seperti di Kulim Hi-Tech Park dan cara untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh untuk jangka masa yang pendek. Kita tidak ada pilihan, tetapi cuba membawa masuk ahli-ahli sains, teknologi dan jurutera berkenaan dari luar negeri.

Jangkamasa yang lebih panjang perlu diambil kira dari segi pendidikan, kemahiran dan latihan yang sedang diusahakan oleh kementerian-kementerian yang terbabit seperti Kementerian Pendidikan dan sebagainya.

Akhir sekali, daripada tinjauan dan penelitian dasar-dasar kerajaan untuk jangka masa yang lebih panjang, ianya akan dikandungi di dalam IMP baru dan Rancangan Malaysia Ketujuh.

#### **PETANI DI SARAWAK— PURATA PENDAPATAN**

**8. Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) peratus petani di dalam populasi di Sarawak dan purata pendapatan mereka setahun; dan

- (b) langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah penduduk seramai 1.8 juta orang di Sarawak, dianggarkan sebanyak 42.5% atau 764,400 orang adalah petani. Pendapatan keluarga petani adalah bergantung kepada amalan pertanian yang diusahakan, iaitu sama ada pertanian saradiri (subsistence farming), dengan izin, atau pertanian komersil (commercial farming), dengan izin. Purata pendapatan bagi pertanian saradiri seperti petani padi huma ialah sebanyak RM5,000 setahun, sementara bagi pertanian komersil seperti penanaman sayur, penternak ayam dan khinzir, purata pendapatan adalah sebanyak RM50,000 setahun.

Bagi jawapan (b), di antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk memperbaiki taraf hidup petani di Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan infrastruktur pertanian seperti sistem pengairan dan saliran, pencegahan banjir dan jalan ladang;
- (ii) menyediakan kemudahan atau perkhidmatan pengembangan, khidmat nasihat, kemudahan kredit pertanian dan peluang pemasaran;
- (iii) menerokai dan promosi barangan hasil pertanian di dalam dan luar negara dengan mendapatkan pasaran baru;
- (iv) menasihati dan menggalakkan petani, penternak dan nelayan mengeluarkan komoditi terpilih seperti buah-buahan tropika, hasil akuakultur dan laut dalam;
- (v) meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mendapatkan klon-klon tanaman

yang lebih produktif serta tahan dari serangan penyakit; dan

- (vi) melaksanakan program pembangunan rakyat termiskin (PPRT) dengan lebih gigih lagi di kalangan petani-petani yang miskin.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan kesulitan petani-petani di Sarawak khasnya, dari kawasan luar bandar ialah kekurangan infrastruktur jalan untuk menghantar hasil petani ke bandar dan kekurangan tempat jualan di bandar. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memberi bantuan kepada mereka atas kesulitan tersebut?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana jawapan saya tadi, perhatian akan diberikan kepada kemudahan asas terutama kepada jalan-jalan ladang dan sebagainya. Ini kita merangka dari tahun ke tahun.

Mengenai tempat jualan, memang pasar tani sedang dipergiatkan lagi semoga pasar tani yang ada secara sementara akan dikekalkan dan berkemungkinan pasar tani yang ada ini, kalau dulu pakai payung, sekarang ini kita dapatkan tapak dari kerajaan-kerajaan negeri untuk dikekalkan dengan mengadakan bumbung-bumbung yang kekal dan kemudahan asas seperti api, air dan sebagainya.

Kedua, bila pasar tani ini kekal, mungkin tidak lagi sekali seminggu, tetapi mereka akan diberi peluang 3 kali hingga 4 kali seminggu. Ini peluang untuk pemasaran sebagai Yang Berhormat katakan itu—insya-Allah, akan lebih luas lagi dan kita galakkan pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan mewakili petani-petani dan juga petani-petani sendiri boleh memasarkannya di pasar-pasar tani yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Jawah Anak Gerang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah difahamkan bahawa masyarakat tani yang mengamalkan secara pertanian tradisional adalah mendapati pulangannya sangat rendah. Apa yang saya tahu, seperti yang telah disebutkan tadi, purata pulangan setahun adalah RM5,000. Saya khuatir sama ada angka-angka ini tepat atau tidak, kerana saya telah difahamkan bahawa purata pulangan setahun adalah sehingga RM800 setahun sahaja.

Saya ingin tahu apakah usaha yang telah diambil oleh kerajaan supaya input yang telah digunakan oleh masyarakat tani tradisional dibandingkan dengan keluaran adalah sangat melampau. Input-input yang telah digunakan oleh petani untuk mengeluarkan keluaran pertanian mereka adalah sangat tinggi. Jadi, saya ingin tahu apakah usaha kerajaan supaya input ini jika dibandingkan dengan keluaran yang didapati akhirnya adalah lebih sedikit daripada output?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu. Sebagaimana yang telah saya tegaskan tadi, itu adalah average atau hitung panjang—RM5,000 setahun pendapatan. Jadi, saya memang tidak menafikan ada sesetengah petani, sebagaimana Yang Berhormat katakan, pendapatan mereka RM700 hingga RM800 setahun, tetapi ini hanya minoriti, ataupun mungkin petani ini bukan sebagai petani sepenuh masa, ia hanya sebagai part time sebagai petani, banyak duduk atas wakaf atau banyak duduk termenung. Tetapi kalau ia betul-betul sebagai full time petani, saya yakin, sekurang-kurangnya RM5,000 hingga RM6,000 atau RM7,000 setahun akan diperolehi.

Sebagaimana yang telah diminta oleh Ahli Yang Berhormat, apakah usaha supaya output yang dikeluarkan daripada input pertanian yang digunakan itu lebih

tinggi, untuk pengetahuan Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Sulaiman Daud telah pun mengumumkan bahawa mulai Rancangan Malaysia Ketujuh ini semua pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan diarah supaya menjadi Pusat Pengeluaran Bahan-bahan Makanan di negara kita. Ini bermakna kementerian akan memperkukuhkan kedudukan PPK di seluruh negara supaya PPK ini boleh menjadi payung dan petani-petani yang menjadi ahlinya adalah anak-anak payung. Ini bermakna bimbingan secara langsung akan dapat diberi menerusi PPK di mana PPK akan menasihati apakah jenis input yang perlu digunakan, apakah teknologi yang perlu digunakan dan ini bermakna peluang kepada para petani di seluruh negara kita menerusi Rancangan Malaysia Ketujuh ini akan dapat lebih dimanfaatkan daripada apa yang kita jalankan selama ini tanpa konsep payung sebagaimana yang saya katakan.

Kita telah berjaya dalam beberapa projek menerusi konsep payung ini di mana petani-petani diberi bimbingan secara langsung, bukan sahaja teknologi tetapi dari segi pemasarannya juga akan diberi perhatian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

*(Soalan No. 9 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) tidak hadir)*

**PROGRAM KAUNSELING DAN  
PSIKOLOGI  
KEPADA ANGGOTA POLIS—  
KEBERKESANAN**

**10. Tuan Lim Si Cheng (Senai)** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah rancangan-rancangan kaunseling dan psikologi di dalam kementerian untuk membantu

kakitangan-kakitangan polis memandangkan kes-kes polis mengamuk semakin kerap kebelakangan ini; dan

- (b) sejauh manakah keberkesanannya rancangan tersebut. Jika tidak berkesan, apa sebabnya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, pihak polis telah melaksanakan program kaunseling dengan melatih pegawai dan anggotanya dalam bidang kaunseling bagi menangani masalah disiplin dan tekanan psikologi di kalangan anggota Pasukan Polis.

Sejak tahun 1986, seramai 28 orang pegawai polis telah memperolehi diploma di dalam bidang kaunseling dan seramai 8 orang pegawai lagi sedang mengikuti kursus tersebut di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pegawai-pegawai yang telah lulus ditukarkan ke merata-rata kontinjen untuk menangani permasalahan yang timbul di kalangan pegawai dan anggota polis.

Sejak program kaunseling dipertingkatkan, kejadian amuk dapat dikurangkan. Ini adalah kerana program kaunseling yang dijalankan memberi kesan yang positif dan program ini akan dilaksanakan berterusan di seluruh negara. Di samping itu, maklumbalas-maklumbalas dari Ketua-ketua Polis dan pegawai-pegawai pemerintah menunjukkan keberkesanan program ini dan ianya berjalan lancar serta dapat meningkatkan kecekapan dan profesionalisme semasa menjalankan tugas.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada fakta yang membangkitkan perasaan tekanan kepada pegawai-pegawai polis terutama sekali pegawai polis pangkat rendah ialah perhubungan di antara pegawai atasan

dengan pegawai bawahan yang masih mengikut cara dan tata tertib yang diwarisi pada zaman koloni tahun 60-an dan 40-an dahulu semasa para military yang mana cara disiplin, 'you obey first, complaint later', dengan izin, digunakan. Maknanya tidak boleh mempersoalkan mana-mana arahan walaupun begitu unpopular ataupun tidak betul pada pandangan minda seorang yang cerdik pandai digunakan.

Jadi, soalan saya adakah pihak Jabatan Polis bercadang untuk mengubah cara inter relationship, dengan izin, di antara pegawai atasan dengan pegawai bawahan supaya kemesraan boleh dijalin dan perhubungan lebih sama rata nampaknya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar menceritakan tentang pengalaman beliau semasa beliau menjadi pegawai polis dahulu. *(Ketawa)* Kita tidak boleh pisahkan di antara disiplin dengan perhubungan di antara individu. Dalam hal disiplin kita terpaksa menentukan bahawa pegawai-pegawai bawahan mesti patuh kepada arahan pegawai-pegawai atasan tetapi dari segi perhubungan ataupun relationship, dengan izin, di antara anggota-anggota polis walau yang di bawah atau yang di atas mestilah diwujudkan dengan suasana yang baik, suasana yang harmonis supaya disiplin itu sendiri dapat kita tentukan berjalan dengan baik dan tersusun.

Berkemungkinan bahawa apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, salah satu dari faktor dan mungkin ini akan kita 'sub'kan ke dalam kajian yang akan kita buat dari semasa ke semasa.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menghuraikan tekanan-tekanan yang dihadapi oleh pihak polis yang menyebabkan kes-kes polis mengamuk

kian bertambah. Adakah gaji polis yang terlalu rendah merupakan salah satu sebab?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukar untuk menerima bahawa kejadian polis mengamuk ini bertambah kerana sejak 15 tahun dari tahun 1980 hingga hari ini baru dua sahaja kejadian polis mengamuk. *(Ketawa)* Satu dalam tahun 1987 di Semporna dan lagi satu ialah baru-baru ini di Batu Gajah. Jadi, saya tak tahulah adakah ini merupakan penambahan yang begitu besar. *(Ketawa)*

Tetapi, walau bagaimanapun, kita mesti faham bahawa tugas pegawai polis ini lebih dahsyat daripada tugas sebagai wakil rakyat kerana polis terpaksa berada di mana-mana sahaja, pembunuhan dia kena ada, rompakan dia kena ada, kemalangan di jalan raya dia kena ada, mati lemas di laut, di sungai - dia mesti ada, kebakaran dia mesti ada, jatuh pokok mesti ada, serbuan terhadap pendatang tanpa izin - polis mesti ada, serbuan pengedar dan penagih dadah mesti ada, khalwat pun polis mesti ada, *(Ketawa)*, penipuan, penganiayaan, penyiksaan - semuanya polis mesti ada.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian tugas yang terlalu berat di samping tugas-tugas lain yang rasmi, tentulah kadangkala apabila tugas terlalu banyak, tekanan (pressure) daripada mungkin pihak atasan kuat dan keadaan peribadi dan juga soal keluarga, ini semua menyebabkan seseorang insan itu hilang pedoman dalam satu ketika dalam satu masa itu.

Jadi, tentulah kita dapat faham akan keadaan-keadaan ini dan bagaimanapun, perkara-perkara ini akan kita masukkan dalam kaunseling projek kepada anggota polis di seluruh negara.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tentang gaji?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Gaji, insya-Allah cukuplah. *(Ketawa)*

**RUMAH KOS RENDAH—  
KEISTIMEWAAN  
UNTUK PEKERJA LADANG**

**11. Dr. G. Leelavathi (Kapar)** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan peluang bekas pekerja-pekerja ladang mendapatkan rumah kos rendah dan adakah mereka diberikan keistimewaan mendapatkan skim rumah murah kerana mereka juga tergolong dalam kategori yang memerlukan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja ladang seperti juga pekerja-pekerja dalam sektor lain, layak memohon dan diberi pertimbangan untuk mendapatkan rumah kos rendah sekiranya mereka terdiri dari golongan berpendapatan rendah dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.

**Dr. G. Leelavathi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah kementerian memberitahu jumlah berapa unit rumah kos rendah yang sedang dan akan dibina di negeri Selangor?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini spesifik, tetapi saya ada sedikit angka bagi Rancangan Malaysia Ketujuh bagi negeri Selangor hanya sejumlah 2,810 unit akan dibina mengikut cara-cara yang ditetapkan di bawah perumahan awam kos rendah oleh agensi-agensi negeri. Tetapi dari segi sasaran bagi RMK7 bagi sektor ini iaitu sektor rumah kos rendah adalah sebanyak 29,600 unit akan dibina di seluruh Malaysia.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila sesuatu projek perumahan dijalankan di sesebuah estet yang mana selama ini ada ramai pekerja yang

berkhidmat bekerja di sana bila estet itu diubah syarat menjadi projek perumahan, bolehkah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat satu ketetapan supaya semua pekerja yang bekerja di estet itu diberikan keutamaan untuk membeli rumah kos rendah yang akan dibina di sana tanpa perlu melalui undi?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi satu ketetapan seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu. Seperti yang telah saya jawabkan tadi, semua pemohon untuk rumah kos rendah ini perlu memenuhi syarat-syarat yang sudah ditetapkan iaitu pendapatan mereka tidak boleh melebihi RM750 sebulan. Dan ada lain-lain melalui sistem pemilihan kita iaitu kita harap boleh mengamalkan sistem pendaftaran berkomputer di mana kita akan mengadakan sistem pemberian markah kepada setiap pemohon mengikut cara-cara atau faktor-faktor dan kriteria-kriteria yang sedia ada.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit.

*(Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Abdul Mulok bin Haji Awang Damit tidak hadir)*

**KEMPEN ANTI MEROKOK—  
LANGKAH KERAJAAN**

**13. Tuan Wong Kam Hoong (Bayan Baru)** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kejayaan kempen anti merokok dapat dicapai oleh kementerian dan langkah-langkah dan kempen-kempen yang lebih giat akan diambil oleh kementerian; dan
- (b) jumlah penghisap rokok dan peratusannya berbanding dengan jumlah populasi.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Kesihatan.

- (a) Kempen anti merokok yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan setakat ini berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya merokok ke atas kesihatan. Kajian rambang di kalangan perokok menunjukkan nisbah perokok yang berhenti merokok dibandingkan dengan perokok semasa ialah 1 kepada setiap 5 orang. Tindakan Kementerian Kesihatan mengkompaun mereka yang merokok di kawasan larangan merokok telah memberikan kesedaran kepada mereka supaya lebih bertimbang rasa dan memilih untuk tidak merokok di kawasan orang ramai. Kementerian Kesihatan akan terus berusaha menjalankan kempen-kempen anti merokok dengan lebih giat lagi. Usaha-usaha meningkatkan lagi kempen anti merokok melalui aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan menggunakan pelbagai pendekatan dan strategi yang berkesan akan diperluaskan. Kawasan larangan merokok akan ditambah dan kompaun minimum akan ditingkatkan kepada kadar yang lebih tinggi untuk kesalahan merokok di kawasan larangan merokok.
- (b) Berdasarkan kepada kaji selidik kesihatan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 1986, menunjukkan bahawa 21.5% daripada penduduk Semenanjung Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas adalah perokok. Berdasarkan peratusan ini, jumlah penghisap rokok di Semenanjung

Malaysia sahaja adalah dianggarkan seramai 1.7 juta orang pada tahun 1986.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa bahawa merokok adalah haram. Adakah kerajaan akan menggunakan fatwa ini sebagai satu kempen untuk membantu kempen ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun sebenarnya tidak merokok tetapi saya tidak sedar berkenaan dengan fatwa itu sama ada telah dikeluarkan ataupun diura-ura untuk dikeluarkan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk memberi contoh yang baik, membuat satu keadaan memberi contoh yang baik kepada rakyat supaya rakyat negara ini tidak merokok, misalnya, antara lainnya kita mahu buat satu cadangan dan minta Parlimen ini meluluskan pada petang ini iaitu Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen supaya tidak merokok. (*Sorak*)

**Seorang Ahli:** Wakil Rakyat?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya rasa ini adalah merupakan contoh yang baik. Kalau guru merokok kita larang anak murid supaya tidak merokok, tetapi guru merokok? Akhirnya masalah itu tidak akan selesai. Begitu juga kalau kita tengok dalam TV, radio.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah, jangan..

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** ...dan penaja-penaja sekarang ini...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, cukuplah, jangan mengambil kesempatan berucap ya!

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Jadi, kita tidak faham. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** ...seolah-olah kerajaan yang ada sekarang ini talam dua muka.....(*Pembesar suara dimatikan*)

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan perkataan "talam dua muka" tetapi saya tidak faham yang talam dua muka ini Barisan Nasional atau PAS? (*Tepuk*) Negeri mana yang paling banyak sekali tanam tembakau di Malaysia ini? (*Ketawa*)(*Tepuk*)

**Tuan Wong Kam Hong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilangan atau peratusan penghisap rokok yang muda iaitu di bawah umur 25 tahun adakah meningkat atau menurun berbanding dengan tahun-tahun lalu?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini soalan yang baik tetapi terlalu spesifik saya minta notis dan akan memberikan jawapannya besok.

#### **BAHAN MAKANAN—JUMLAH IMPORT EKSPORT**

**14. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

(a) berapakah jumlah eksport bahan makanan ke luar negara dan berapakah pula jumlah bahan

makanan yang diimport dari luar negara mengikut jenis; dan

(b) apakah rasionalnya kita mengeksport bahan makanan ke luar negara dalam keadaan negara sendiri kekurangan bahan makanan sehingga menyebabkan harga meningkat naik.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishammuddin bin Tun Hussein):** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1995, Malaysia telah mengeksport bahan makanan bernilai sejumlah RM4.5 ribu juta manakala import berjumlah RM7.9 ribu juta. Bahan-bahan makanan ini adalah termasuk dalam bentuk bahan-bahan mentah dan yang sudah diproses dan bahan-bahan makanan untuk binatang dalam bentuk belum diproses. Ianya merangkumi di antara lain, ikan, krustasea, moluska dan sediaan kopi, teh, koko, rempah ratus dan pelbagai keluaran yang boleh dimakan dan makanan yang disediakan, sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil tenusu dan telur burung.

Ikan, krustasea, moluska dan sediaan merupakan kategori eksport yang paling tinggi dengan eksport bernilai sebanyak RM825.6 juta, ini diikuti dengan kopi, teh, koko, rempah ratus dan keluarannya dengan eksport bernilai sebanyak RM783.8 juta. Dari segi import bijiran dan sediaan bijiran dengan import bernilai sebanyak RM2 ribu juta merupakan kategori yang paling tinggi diikuti dengan sayur-sayuran dan buah-buahan dengan import bernilai sebanyak RM1.1 ribu juta.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan bahan makanan dan kenaikan harga bahan-bahan tersebut tidak dapat dikaitkan secara langsung dengan aktiviti pengeksportan. Ini adalah kerana terdapat faktor-faktor lain termasuk amalan-amalan pemasaran yang kurang cekap dan cara pengeluaran bahan-bahan tersebut yang masih belum



dilaksanakan secara komersial sepenuhnya. Adalah tidak wajar untuk menghalang pengeksporan bahan-bahan makanan tersebut memandangkan bahan-bahan berkenaan mendapat harga yang lebih tinggi di pasaran antarabangsa dan ini memberi pulangan yang lebih kepada pengeluar-pengeluar tempatan. Tambahan pula, kerajaan dan pihak swasta Malaysia telah membelanjakan wang yang banyak untuk menembusi pasaran-pasaran baru serta mengekalkan dan meningkatkan syer di pasaran-pasaran tradisional bagi bahan-bahan makanan tersebut.

Oleh yang demikian, sebarang usaha untuk menyekat eksport tersebut akan menjejaskan pasaran Malaysia masa kini dan potensi masa hadapan yang akan dieksploitasikan oleh pesaing-pesaing asing yang lain. Terima kasih.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menyenaraikan beberapa eksport barangan Malaysia tetapi tidak pula termasuk eksport untuk senjata api. Jadi, soalan di sini, di Sabah ada berlaku di mana ada lesen untuk mengekspor senjata api yang sudah menjadi pengetahuan umum. Jadi, kalau.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa soalan ini jauh terkeluar dari soalan asal.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ya, eksport.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang ini import eksport makanan bukan senjata api! (*Ketawa*)

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tetapi in relation, Tuan Yang di-Pertua. Ada kena mengena dengan eksport...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jauh sangat, jauh sangat.

**Seorang Ahli: Duduklah!**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jauh sangat!

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat menerangkan tentang teguran daripada ramai pengguna dari Johor Bahru bahawa bahan-bahan makanan seperti ikan yang diekspor ke Singapura, mutu bahan-bahan itu adalah lebih tinggi daripada yang dijual di Johor Bahru. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini harus saya rasa ditujukan kepada pihak yang berkaitan iaitu Kementerian Pertanian. Tugas dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ialah untuk mengkaji dasar dan juga untuk menyediakan insentif-insentif tertentu dan juga untuk memasarkan barangan-barangan pertanian ke luar negeri. Terima kasih.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang meningkat maju di teknologi aerospace. Kita sudah membuat MEASAT I, MEASAT II tetapi teknologi makanan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya pernah mendengar barang makanan diekspor ke negara Jepun telah tidak diterima oleh kerana kawalan mutu makanan itu tidak sampai ke tahap mutu makanan yang diterima oleh negara Jepun. Jadi, soalan saya, apakah tindakan kerajaan agar barang-barang eksport kita, sama ada yang diproses ataupun yang mentah tidak mendapat sekatan ataupun halangan sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, yang berlaku di luar negara?

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan bersetuju sangat dengan pandangan yang diketengahkan oleh Ahli Yang Berhormat

dan kita sekarang ini sedang menyediakan kemudahan-kemudahan dan insentif-insentif tertentu untuk menaikkan taraf pengeluaran barangan makanan supaya kita dapat menembusi pasaran yang disebutkan.

### PROJEK RAKAN MUDA— JUMLAH PERUNTUKAN

**15. Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat ini berapa peruntukan telah diluluskan untuk Projek Rakan Muda.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini, sejumlah RM92,487,200 telah pun diluluskan untuk program Rakan Muda di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Kementerian Belia dan Sukan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM46,900,200 telah diluluskan pada tahun 1995, sementara sebanyak RM45,587,000 telah diluluskan untuk tahun 1996 iaitu tahun ini.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa banyak organisasi pemuda-pemuda ingin memohon peruntukan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti sukan, tetapi permohonan mereka tidak dapat kelulusan. Apakah kriteria atau prosedur untuk mendapatkan wang peruntukan melalui program Rakan Muda?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, iaitu adakah minta peruntukan untuk sukan sahaja, bukan untuk Rakan Muda?

**Dr. Lee Chong Meng:** Untuk semua aktiviti-aktiviti, untuk orang muda melalui Program Rakan Muda.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Sukan?

**Dr. Lee Chong Meng:** Ya! Sukan dan lain-lain aktiviti berkaitan dengan sukan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Sukan dan lain-lain? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun-tahun yang lalu, ada aduan daripada pertubuhan-pertubuhan belia bahawa mereka memohon peruntukan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti di bawah program Rakan Muda dan mereka mengatakan mereka tidak dapat kelulusan untuk mendapat sebarang peruntukan. Ada aduan begitu. Tetapi, Kementerian Belia dan Sukan, pada tahun lalu telah meluluskan beberapa peruntukan untuk aktiviti-aktiviti di bawah program Rakan Muda yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan belia. Jadi, ini satu masalah.

Oleh kerana itu, baru-baru ini, Kementerian Belia dan Sukan telah mengumumkan bahawa beberapa peruntukan telah diberikan kepada setiap pertubuhan belia, iaitu kalau tidak silap, pada minggu lalu, untuk pertubuhan-pertubuhan belia menjalankan aktiviti-aktiviti dan program Rakan Muda. Jadi, wang itu ada direservakan di Kementerian Belia dan Sukan dan apabila mereka dapat memberi laporan ataupun working paper, dengan izin, bahawa sesuatu aktiviti itu boleh dianggap sebagai aktiviti di bawah program Rakan Muda, wang yang direservakan itu akan diberikan terus kepada mereka. Jadi, aduan siapa yang salah dan siapa yang memohon tetapi tidak dapat tidak akan timbul lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut telah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 9, 12, 16 hingga 47 adalah dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1995)(NO.2) 1996

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.4) 1995

DAN

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 1996

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995)(No.2) 1996 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.4) 1995 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) 1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kedua 1996*)

**Majlis bersidang dalam  
Jawatankuasa.**

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Maksud B.15 dan B.16 (Jadual) -  
Maksud P.16 (Anggaran Pembangunan  
(Tamb.)(Bil.4) 1995) -**

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat,  
ada yang hendak sambung lagi?

**Timbalan Menteri Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin  
Fah Kui):** Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee  
Keat):** Ya.

3.36 ptg.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Pengerusi, pada minggu yang lepas, saya sudah memberi jawapan, tetapi Yang Berhormat dari Rompin hendak saya terangkan macam mana pihak anggota bomba boleh menyelamatkan penduduk-penduduk di dalam sesuatu bangunan tinggi apabila berlaku kebakaran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pendekatan yang digunakan oleh Jabatan Bomba dalam menangani masalah ini adalah dengan cara melawan kebakaran dari dalam bangunan itu sendiri. Sekiranya kebakaran berlaku di dalam bangunan tinggi, sistem perlindungan yang direka mengikut peraturan-peraturan semasa seperti Undang-undang Kecil Bangunan Seragam dan lain-lain akan menjadi pelindung kepada penghuni untuk menyelamatkan diri dan dalam masa yang sama, menjamin keselamatan anggota bomba ketika menjalankan tugas.

Yang saya sebut dalam jawapan saya pada minggu lepas, perkataan safe passage, dengan izin, bermakna dalam bangunan tinggi, ada fire lift shaft bersama dengan lift lobby, dengan izin, adalah direka supaya tahan api sekurang-kurangnya selama 2 jam. Oleh sebab itu, maka api yang merebak itu tidak sampai ke kawasan itu dan kawasan itu boleh digunakan untuk menyelamatkan penduduk-penduduk di dalam bangunan tinggi tersebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Adakah apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sifatkan tadi mengenai peruntukan-peruntukan untuk mencegah atau membasmi kebakaran dalam bangunan tinggi tepat untuk twin towers, sebagai contohnya, yang disebut sebagai

yang tertinggi di dalam dunia dan kalau ada kebakaran di twin towers di bahagian atas, adakah semua peruntukan-peruntukan itu sesuai dan cukup atau ada satu kajian khas untuk twin towers, sebagai contoh.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Ini memang satu amalan untuk semua bangunan tinggi, termasuk juga twin towers KLCC dan ini memang satu cara yang digunakan oleh pihak bomba di mana ada bangunan tinggi seperti di New York, di Japan dan Tokyo. Inilah cara yang Jabatan Bomba rasa selamat untuk digunakan atau dipraktikkan kepada bangunan-bangunan tinggi itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada jawab itu ialah amalan biasa untuk semua bangunan tinggi. Di sini perkara yang tepat ialah Twin Towers KLCC. Adakah Jabatan Bomba yakin dan percaya bahawa jabatan itu boleh menghadapi apa-apa masalah kebakaran kalau ada berlaku dalam Twin Tower?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Jawapannya, buat masa sekarang pihak bomba fikir ya kecuali ada masalah yang memang di luar jangkaan seperti ada sabotaj, dengan izin, mereka rasa dengan adanya reka bentuk sekarang, kebakaran-kebakaran yang kalaulah berlaku di tingkat atasan, maka penghuni-penghuni boleh mengikuti cara keselamatan yang sedia ada untuk menyelamatkan diri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga, KLCC Twin Towers mempunyai double refuge area, dengan izin, di mana diletakkan berhadapan dengan jambatan yang menyambung kedua-dua menara tersebut. Sekiranya berlaku kebakaran di salah satu menara,

penghuni boleh menyelamatkan diri sama ada menggunakan lif yang berkaitan atau menara sebelah. Double refuge area dilengkapi dengan sistem perlindungan seperti sprinkler system, smoke spilt system, emergency lighting dan detector. Semua kelengkapan direka khas bagi menjamin keselamatan penghuni semasa keluar dari bangunan dan juga menjamin keselamatan anggota bomba semasa operasi memadam dan menyelamatkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah ini bererti Jabatan Bomba sangat yakin tidak akan berlaku towering inferno di Malaysia?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Kita haraplah. We pray to God perkara itu tidak akan berlakulah.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja jawapan saya kepada perkara-perkara yang diuraikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan itu dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM660,00 untuk Maksud B.15 dan RM3,152,550 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM660,00 untuk Maksud B.15 dan RM3,152,550 untuk Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM40,660,000

untuk Maksud P.16 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM40,660,000 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1995.

**Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1995)—**

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepala Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas sekarang. Mentakab.

3.45 ptg.

**Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan P.18 khususnya mengenai dengan usaha kerajaan dalam pembangunan estet perhutanan (forest estates).

Tuan Pengerusi, saya difahamkan dalam usaha kerajaan menggalakkan pembangunan industri hiliran berasaskan kayu, kerajaan akan mengharamkan atau mengurangkan eksport kayu bergaji menjelang tahun 2000. Di samping itu, kerajaan juga sedang menggalakkan penanaman semula hutan atau forest estates supaya kita dapat menambahkan bekalan kayu-kayan kepada industri hiliran. Ini memang merupakan satu usaha yang amat dialu-alukan, akan tetapi saya dapati bidang ini juga menghadapi salah satu masalah yang saya ingin utarakan iaitu untuk pekebun-pekebun kecil yang pada masa kini telah menanam pokok getah apabila mereka menanam semula

dengan pokok lain seperti pokok sentang, pokok jati dan juga pokok getah yang berupa klon baru seperti Klon Tahun 2000 dan Klon 900. Saya difahamkan bahawa mereka tidak mendapat apa-apa subsidi penanaman semula dan di sini saya ingin....

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa ini cakap dasar Yang Berhormat. Sebab P.18 ini secara khusus butiran bersabit dengan Lembaga Koko Malaysia dalam aspek penyelidikan dan pembangunan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tidak. Tuan Pengerusi, P.18 (4 dan 5) ada berkenaan dengan pengurusan hutan dan juga pembangunan perhutanan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Secara khusus kepada projek itu sahaja Yang Berhormat. Itu yang saya maksudkan.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Yalah. Pembangunan perhutanan memang...

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Bukan secara umum ya.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Jadi, soalan yang saya ingin bangkitkan ialah jika seseorang pekebun kecil yang menanam semula pokok seperti pokok jati, pokok sentang dan sebagainya, adakah mereka akan diberi subsidi penanaman semula seperti mereka diberi subsidi penanaman semula pokok getah yang berlaku sebelum ini. Itulah sahaja soalan yang saya ingin bangkitkan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri diminta jawab.

3.47 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab binti Abu Bakar):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu

saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Mentakab yang telah sudi membahas tentang perbekalan tambahan, seorang sahaja.

Tuan Pengerusi, di dalam ladang getah memang kerajaan sedar memandangkan mutu kayu getah yang tinggi, pembuatan berasaskan kayu getah telah berkembang dengan pesat. Jadi, berdasarkan kepada kadar penanaman semula getah sebanyak 35,000 sehingga 40,000 hektar setahun, kadar utiliti adalah rendah. Bagaimanapun, bagi menampung permintaan akan datang bagi kayu getah, RRIM meneruskan penyelidikan untuk mengenal pasti amalan agronomi dan sistem pengurusan yang sesuai bagi pembangunan kebun hutan getah yang berdaya maju. RRIM juga melancarkan pada peringkat kecil-kecilan penanaman hutan getah meliputi kawasan seluas 100 ekar iaitu 200 hektar di Hutan Simpan Bukit Petaling, Selangor; 30 hektar di Hutan Simpan Gemas, Negeri Sembilan; 30 hektar di Hutan Simpan Merchang, Terengganu dan 20 hektar di sistem Hutan Niah, Sarawak.

Kejayaan di peringkat kecil-kecilan ini mendorong RRIM melancarkan satu projek besar hutan getah meliputi dua kawasan setiap satu meliputi seluas 40 hektar di hutan simpan termasuk Pahang dan di Hutan Simpan Sindora. Bagi penanaman semula getah, memang ada subsidi yang diberikan oleh kerajaan untuk tanaman semula dari getah ke getah dan juga dari getah ke tanaman lain. Jadi, ini melalui kadar ses tanam semula yang dikutipkan oleh RISDA, memang ada rancangan untuk dibantu pekebun-pekebun kecil untuk tanaman getah atau daripada getah ke tanaman lain sebanyak 18 jenis produk pertanian yang dibenarkan untuk dari getah ke tanaman semula kalau tidak ditanam dari getah ke getah.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu sahaja jawapan saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM15,274,000 untuk Maksud P.18 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Perusahaan Utama hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM15,274,000 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1995.

**Maksud B.22, B.23 dan B.24 (Jadual)-Maksud P.24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.4) 1995) -**

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepala Bekalan B.22 hingga B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas sekarang. Jerantut.

3.51 ptg.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian khusus berkenaan dengan Maksud B.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Pelancongan sekarang ini menjadi salah satu cara bagaimana kita mendapatkan tukaran wang asing (foreign exchange earnings) dan saya difahamkan di dalam tahun 1994 sebanyak RM8.2 bilion telah didapati melalui pelancongan daripada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita.

Di dalam tahun 1995, saya difahamkan lebih daripada RM9 bilion akan didapati oleh negara daripada tukaran wang asing ini dan Negara Jepun merupakan negara yang begitu penting dari segi pelancongan

kepada Malaysia. Seramai 10 juta orang rakyat Jepun telah pergi ke luar negara untuk melancong dan kita berharap agar dengan adanya peningkatan dari segi jumlah yang diberikan oleh kerajaan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan juga kepada Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, maka lebih ramai lagi pelancong-pelancong Negeri Jepun akan datang dan berbelanja di dalam negara kita.

Saya difahamkan bahawa pelancong Jepun merupakan salah satu daripada pelancong yang begitu tinggi berbelanja di dalam negara kita. Jadi, saya berharap kerajaan akan dapat terus meningkatkan jumlah yang diberikan oleh kerajaan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan supaya jumlah pelancong-pelancong yang datang bukan hanya daripada Jepun, Tuan Pengerusi, tetapi daripada negara-negara lain dapat terus meningkat bagi tujuan untuk mendapatkan tukaran wang asing daripada pelancong-pelancong ini. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Senai.

3.56 ptg.

**Tuan Lim Si Cheng (Senai):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.22 iaitu peruntukan dipohon untuk membiayai aktiviti-aktiviti promosi pelancongan di Jepun. Jadi, sebelum saya melanjutkan perbahasan ini, ingin saya mengemukakan dua soalan. Apakah aktiviti-aktiviti promosi yang telah dijalankan dan adakah pihak kementerian telah dapat melihat kesan-kesan yang boleh menguntungkan negara kita dalam bidang industri pelancongan melalui promosi itu?

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa pelancong Jepun dan Korea adalah golongan yang terbesar datang ke negara

kita dan juga negara-negara jiran kita terutama negara-negara ASEAN. Selama ini ramai pelancong daripada Jepun dibawa masuk oleh agen-agen Singapura yang hanya memikirkan keuntungan dan bukannya berniat untuk meningkatkan industri pelancongan Malaysia. Sekiranya keadaan sedemikian dibiarkan berterusan, industri pelancongan tempatan tidak akan berdaya untuk maju dan hanya mampu untuk bertahan sahaja.

Tuan Pengerusi, mengikut satu angka yang dapat saya perolehi, sebanyak 150 buah bas pelancong memasuki melalui Tambak Johor setiap hari untuk membuat lawatan ke negara kita selama beberapa jam sahaja. Dari bilangan 150 buah bas pelancong ini terdapat kira-kira 6,000 pelancong yang kita panggil pelancong 'Coca-Cola' dibawa masuk untuk beberapa jam sahaja di Johor Bahru kerana masuk melalui Tambak Johor dalam satu masa yang sama dan juga balik ke Singapura dalam satu masa yang sama telah mengakibatkan kesesakan berlaku di Tambak Johor.

Tuan Pengerusi, oleh kerana mereka hanya berada di Johor Bahru beberapa jam sahaja pelancong ini tidak dapat peluang untuk mengetahui secara mendalam apa yang boleh ditawarkan oleh industri pelancongan tempatan. Dengan beberapa jam sahaja di Johor Bahru tidak dapat memberikan apa-apa faedah kepada negara kita dan tidak akan dapat menguntungkan negara ini.

Saya rasa promosi yang dijalankan ini memang mustahak, Tuan Pengerusi. Dengan ini maka saya menyokong peruntukan ini diluluskan demi untuk menaikkan taraf industri ini di kalangan penduduk di Jepun dan juga imej negara di mata rakyat asing. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yang Berhormat.

3.58 ptg.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda (Hulu Terengganu):** Tuan Pengerusi, saya ingin hendak bercakap mengenai Maksud B.22 dan B.24 iaitu dari segi penggalakan pelancongan.

Sebagaimana yang kita tahu bahawa pelancongan ini adalah satu di antara sumber pendapatan hasil negara dan saya menarik perhatian pihak kementerian bagi Negeri Terengganu mulai tahun hadapan ini akan dilancarkan 'Program Tahun Melawat Terengganu 1997'. Jadi saya mengharapakan supaya pihak kementerian terutama sekali dalam usaha penggalakan pelancongan ini dapat memberi tumpuan yang lebih kepada negeri Terengganu dan kalau boleh sama-sama menjalankan aktiviti promosi di antara kerajaan negeri dan pihak kementerian sendiri. Kerana kita pandangkan bahawa seperti yang kita maklum negeri Terengganu yang sedang berkembang dalam industri pelancongan ini dan banyak perkara-perkara yang boleh menarik pelancong-pelancong luar daripada negara asing untuk melawat Negeri Terengganu dan sekali gus akan memberi keuntungan bukan sahaja di peringkat pusat dan juga peringkat negeri.

Di samping itu dalam Maksud B.24, yakni soal muzium. Jadi, saya mengharapakan pihak kementerian lebih memberi tumpuan terutama sekali menambahkan banyak peruntukan kepada negeri-negeri yang menumpukan kajian sejarah terutama bagi muzium negeri yang sedang mempergiatkan soal-soal penyelidikan bahan-bahan sejarah yang lama. Ini boleh menampilkan bahan-bahan sejarah yang boleh memberi manfaat kepada pelancongan dan juga generasi kita yang akan datang.

Saya juga mengharapakan pihak kementerian supaya memberi lebih keutamaan dari segi kajian bahan-bahan sejarah lama yang masih terdapat bahan-bahan sejarah ini yang belum diterokai.

Sebagai contoh di kawasan saya sendiri di Hulu Terengganu ada satu tempat yang dipanggil 'bukit kapal batu'. Dua hari lepas ada pihak yang membuat kajian bukit kapal batu iaitu sebuah kapal yang telah menjadi batu, jadi unsur-unsur bagaimana kapal ini boleh menjadi batu dan sebagainya, kita harap kerjasama pihak di peringkat kementerian dapat membuat tumpuan kajian ini supaya dapat mencungkil bahan sejarah yang sebenarnya untuk tontonan kepada generasi kini dan juga generasi yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat diminta jawab.

4.00 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Mohd. Noh bin Rajab):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat dari Jerantut, Senai dan Hulu Terengganu. Ketiga-tiganya menyentuh tentang pelancongan. Yang Berhormat dari Hulu Terengganu ada juga menyentuh tentang muzium. Pada hemat saya, ketiga-tiganya menyokong tentang perbelanjaan yang telah dibelanja oleh kementerian dalam menggalakkan pelancongan. Ini kita ucapkan terima kasih. Mereka juga bersetuju bahawa promosi untuk galakan pelancong-pelancong Jepun terus diadakan.

Di bawah B.22, sejumlah besar daripada RM9 juta itu telah dibelanjakan untuk mempromosikan atau menarik ramai lagi pelancong-pelancong daripada Jepun. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingin tahu tentang butir-butiran pecahannya, saya boleh beri jawapan bertulis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Jerantut, kita memang juga cuba menarik lebih ramai lagi pelancongan bukan sahaja dari Jepun, tetapi dari negeri-negeri yang lain.



Yang Berhormat dari Senai, kita bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Senai bahawa ramai pelancong Jepun datang ke Singapura dan melawat ke Johor selama satu hari sahaja. Kementerian sedang berusaha supaya mereka ini dapat - bukan satu hari, Tuan Pengerusi, saya pun silap juga, beberapa jam dalam satu hari sahaja, datang dari Singapura ke Johor, belanja lebih kurang dalam lingkungan empat ke lapan jam dan terus balik ke Singapura tanpa membuat perbelanjaan yang boleh difikirkan munasabah di Johor. Oleh yang demikian, kementerian berusaha supaya mereka dapat tinggal di Johor lebih lama lagi bagi memberi faedah kepada pengusaha-pengusaha pelancongan di Johor. Kementerian akan sentiasa memberi makluman kepada orang ramai nanti. Nampaknya sokongan orang ramai memang menggalakkan ke arah ini.

Yang Berhormat dari Hulu Terengganu mengharapkan agar promosi luar negeri melibatkan juga....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Dia hendak habis.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Sekejap, hendak habiskan yang ini. Yang Berhormat dari Hulu Terengganu mengharapkan kementerian mempromosikan Terengganu. Sebenarnya kita mempromosikan Malaysia amnya, tetapi tempat-tempat yang spesifik khasnya berpandukan kepada produk-produk pelancongan. Jadi, daripada misi-misi luar negeri, daripada maklum balas yang kita perolehi, kita kenal pasti produk-produk yang dapat menarik pelancong-pelancong dari luar negeri. Jikalau ada negeri-negeri yang tidak dapat menarik minat pelancong dari luar negeri datang, kita harapkan agar negeri-negeri ini mempelbagaikan

lagi produk pelancongan masing-masing. Kami dari kementerian sentiasa sanggup membuat dan mendedahkan produk-produk pelancongan daripada semua negeri dalam negara kita ini. Kementerian akan bergiat dan akan berlaku adil kepada semua, asalkan ada perkara yang hendak kita promosikan.

Mengenai dengan muzium, memang kementerian juga telah membahagikan sebahagian perbelanjaan untuk mempelbagaikan lagi bahan-bahan muzium. Kita memandang berat bahawa peninggalan-peninggalan ataupun bahan-bahan muzium kita, kita perlu jaga dengan baik. Pandangan Yang Berhormat dari Hulu Terengganu itu memang baik. Tetapi kita perlu juga sebelum membuat sesuatu kajian atau membuat satu kerja pemuliharaan muzium, kita berpandukan kepada sama ada artifak-artifak itu benar ataupun cerita dongeng sahaja. Kalau misalannya, sebagai contoh Yang Berhormat beri, kapal menjadi batu, saya rasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kena memberi kepastian sama ada betul satu hari dulu usulnya kapal ataupun sebagai cerita dongeng sahaja.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**  
(Bangun)

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Batang Lupar.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya minat fasal topik yang pertama Yang Berhormat sebut tadi. Soalan pelancong dari Jepun. Saya berpeluang berbincang ataupun mendengar syarahan daripada seorang Jepun, iaitu Kenichi Ohmae, mungkin tidak asing bagi negara Malaysia. Walaupun buku-bukunya banyak bersepah, banyak orang tak baca. Tuan Pengerusi, salah yang dikatakan oleh

Kenichi Ohmae ialah orang Jepun ada dua peringkat, iaitu peringkat yang pertama, peringkat masa dia habis zaman bujang masa kahwin. Masa itulah mereka akan membelanjakan wang banyak-banyak untuk honeymoon, kata dia.

Peringkat yang kedua, iaitu peringkat apabila orang Jepun sudah pencen, masa itu kadang-kadang isteri dia lari tinggal dia. Dia keseorangan. Jadi, masa itu adalah masa yang begitu sensitif sekali untuk dieksploitasikan untuk dibawa ke luar negeri. Jadi, soalan ini nampak macam mengejek tetapi adalah serius. Jadi, kata dia, walaupun demand ataupun kehendak orang Jepun itu adalah sangat tinggi dari segi kemudahan dan kemahuan mereka. Tetapi kata dia, untuk orang honeymooners, dia tak perlu lain. Tunjukkan sahaja pokok 'palm tree' bergambar dengan palm tree, balik ke bilik semula kerana lebih sibuk honeymoon.

Jadi, soalan yang kedua, pencen macam tidak ada stamina hendak buat apa-apa benda, melainkan 'to enjoy the money' ataupun dengan izin, 'enjoy the money' yang dia telah terima seumur hidup dia. Jadi, soalan saya, Tuan Pengerusi, apakah kementerian mempunyai satu rancangan khusus untuk membuat penyelidikan, pergi ke negara Jepun dan potensi-potensi. Saya diberi peratusan, banyak orang Jepun yang sudah pencen yang honeymoon, boleh dieksploitasi dan boleh dibawa ke negara kita. Jadi, soalan saya sama ada kerajaan mempunyai satu program khususnya untuk menarik mereka yang beul-betul banyak wang untuk sampai ke negara kita dan membelanjakan wang di negara kita. Untuk yang pencen, sebelum mati, meninggal negara kita, balik mati di Jepun. Dan untuk honeymoon, selepas habis honeymoon, mereka balik ke negara mereka sendiri dan untuk mencari wang sebelum datang pencen. Terima kasih.

**Tuan Haji Mustafa bin Muda:** Tuan Pengerusi, apa yang telah disarankan dan dijawabkan oleh Setiausaha Parlimen

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tadi. Saya maksudkan produk, bukan maksud produk pelancongan bagi negeri Terengganu. Saya maksudkan bagi membantu kempen aktiviti promosi bagi Tahun Melawat Terengganu 1997.

Yang kedua, berkait dengan cerita dongeng tadi. Bukan maksud saya membawa cerita dongeng, tetapi mengharapkan satu kajian untuk membantu muzium negeri bagi supaya kementerian menghantar pakar-pakar yang boleh membantu penyelidikan ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Batang Lupa ada memberi pandangan. Bagi pihak kementerian, saya mengucapkan terima kasih. Promosi kita di Jepun ini kalau dilihat lebih dekat adalah bertujuan kepada semua rakyat Jepun, sama ada yang bujang, yang separuh umur ataupun yang sudah pencen. Memang ada kajian-kajian kita buat dari semasa ke semasa, sebab itulah perbelanjaan yang sebegitu banyaknya kita belanjakan untuk menarik lebih ramai pelancong dari Jepun. Target kita ialah untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 1 juta orang pelancong dari Jepun tiap-tiap tahun, walaupun pada tahun 1994 kita cuma mendapat 300,000 atau lebih sedikit sahaja datang dari Jepun.

Jadi, maknanya, memang banyak lagi yang perlu kita usahakan. Pada dasarnya kita memang setuju dengan pandangan-pandangan yang baik itu. Kepada kerajaan negeri, kementerian semenangnya, bila-bila masa dan sentiasa terbuka untuk memberi kerjasama sama ada mempromosikan pelancongan ataupun membuat penyelidikan di dalam bidang muzium.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah yang dapat saya sentuh. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua

Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM9,000,000 untuk Maksud B.22; RM148,000 untuk Maksud B.23 dan RM195,740 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM9,000,000 untuk Maksud B.22; RM148,000 untuk Maksud B.23 dan RM195,740 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,000,000 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,000,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 1995.

**Maksud P.20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 1995) —**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin memaklumkan bahawa ada sedikit kesilapan tadi berkaitan dengan peruntukan di bawah P.20 tanpa perbincangan, tetapi lupa dikemukakan untuk diputuskan oleh Dewan ini, maka dengan ini saya ingin mengemukakan untuk dipersetujui.

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 1995.

**Maksud B.25 (Jadual)  
Maksud P.25 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1996) —**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepala Bekalan B.25 di bawah Kementerian Pertahanan dan Kepala P. 25 terbuka untuk di bahas.

4.13 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian):** Tuan Pengerusi, B.25 - Kementerian Pertahanan, Belanjawan Tambahan RM81.5 juta lebih diperlukan untuk membiayai perbelanjaan anggota tentera kita yang berkhidmat di Bosnia-Herzegovina di bawah I-FOR dan di bawah NATO. Persoalan yang saya ingin timbulkan di sini, kita tahu bahawa NATO adalah satu kumpulan negara-negara ikatan tentera yang kaya daripada Eropah Barat, kalau Malaysia berkhidmat di bawah NATO, kenapa kita perlu mengeluarkan belanja? Kenapa tidak NATO mengeluarkan belanja untuk tentera kita. NATO - negeri-negeri yang kaya sudah tentu mampu untuk membiayai semua anggota tentera yang berkhidmat di bawah I-FOR-NATO.

Tuan Pengerusi, bila kita berkhidmat di bawah NATO, adakah tentera Malaysia ada kebebasan, maksudnya untuk mereka bertindak membantu orang-orang

Bosnia. Tidak dapat dinafikan bahawa sentimen Islam seagama itu ada kepada tentera-tentera Malaysia. Kalau mereka hendak bantu orang-orang Bosnia, adakah ada halangan daripada NATO ataupun daripada IFOR di mana mereka kadangkalanya ada sedikit curiga kepada tentera-tentera yang beragama Islam? Kalau tidak ada curiga kepada mereka, maka sudah tentulah mereka menerima tawaran daripada Iran dan Turki untuk menghantar tentera mereka untuk membantu negara Bosnia ketika perang hebat dahulu.

Jadi, adakah tentera Malaysia ini bebas untuk bertindak membantu umat Islam di sana dan adakah sekatan-sekatan daripada NATO ini ada? Dan adakah tentera NATO mengekori kalau ada tentera-tentera Malaysia pergi ke sesuatu tempat - ada diekori oleh 'spy-spy' NATO supaya mereka tidak mahu, misalnya tentera Malaysia membantu lebih daripada apa yang dihadkan oleh kehendak NATO.

Tuan Pengerusi, setelah perang tamat, adakah tentera kita akan juga berkhidmat untuk membangunkan semula Bosnia termasuk membina jambatan, bekalan elektrik, bangunan dan sebagainya. Apakah tentera kita boleh disalurkan untuk membantu Bosnia dalam membina infrastruktur negara mereka yang telah musnah, yang dimusnahkan oleh pegganas Serbia dalam perang yang begitu dahsyat?

Tuan Pengerusi, persoalan yang saya ingin timbulkan lagi ialah bantuan kita kepada Bosnia itu, adakah bila kita hendak pulang nanti, segala senjata yang dimiliki, sesuai dengan kegunaan di Bosnia boleh ditinggalkan kepada tentera Bosnia? Adakah Malaysia ada rancangan untuk meninggalkan ataupun membekalkan senjata kepada tentera Bosnia, sebab lambat laun I-FOR-NATO ini akan tetap keluar daripada Bosnia dan Bosnia akan mempertahankan diri mereka sendiri, maka mereka perlu senjata dan sebagainya.

maka Malaysia adakah bercadang untuk meninggalkan senjata yang digunakan sekarang ini kepada mereka ataupun membekalkan senjata-senjata yang lain kepada Bosnia?

Seterusnya, saya juga ingin bertanya tentang yang dikatakan tentera-tentera sukarelawan yang dituduh daripada Iran, Afghanistan dan daripada lain-lain negara, yang menjadi syarat kepada I-FOR supaya Bosnia mengeluarkan mereka ini dengan segera daripada bumi Bosnia. Saya ingin bertanya setakat mana ancaman yang dikatakan tentera-tentera sukarela ini yang membantu Bosnia semasa meletus perang dengan Serbia dahulu. Setakat mana peranan mereka dan apa bahayanya mereka kalau mereka terus berada di negara Bosnia dengan terus memberikan latihan-latihan kepada tentera Bosnia? Adakah Malaysia juga mendesak supaya sukarelawan ini keluar dengan segera daripada Bosnia seperti yang dikehendaki oleh Amerika dan juga NATO?

Sekianlah persoalan-persoalan daripada saya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tuan.

*4.08 ptg.*

**Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran):** Tuan Pengerusi, terima kasih di atas peluang ini dan saya juga suka mengambil bahagian untuk membahas Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan. Jumlah yang dipohon di sini bukannya jumlah yang kecil. Jadi, persoalannya ialah adakah kita lebih mementingkan membantu rakyat Bosnia, sedangkan kita di Malaysia juga serba kekurangan dari segi pertahanan?

Memang kita mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk bersahabat dengan negara-negara asing, terutama untuk membantu mereka yang berada dalam keadaan yang susah, terutamanya di Bosnia, tetapi di

samping itu kita harus juga mempunyai keutamaan yang tepat. Kita tahu tentera kita juga bukannya serba lengkap. Mereka juga memerlukan berbagai alat yang serba moden untuk mengawasi pertahanan negara kita.

Kita tahu bahawa pantai kita tidak terkawal. Di Sabah, kita tahu, di mana pada bulan lalu diserang oleh lanun yang walaupun dikatakan adalah hanya bom ikan, tetapi malangnya tidak pula dapat dielakkan. Ini menunjukkan bahawa tentera kita tidak mempunyai kelengkapan yang mencukupi untuk mengelakkan perkara ini daripada berlaku.

Tuan Pengerusi, baru kelmarin dahulu di Kota Belud, satu lagi kegiatan lanun telah berlaku.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, perkara ini memang mustahak dibangkitkan, tetapi berkenaan dengan B.25 ini perbelanjaan yang harus kita bincangkan ialah tentera Malaysia di Bosnia, bukan di dalam negeri ya?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ialah, itu yang kita persoalkan!

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kita dalam jawatankuasa sekarang, kita kena spesifik mengikut maksud yang tertentu.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ya, Tuan Pengerusi, itu yang kita persoalkan, sebagai contoh sahaja. Perkara itu hanya saya ambil sebagai contoh sahaja, kenapa peruntukan ini seharusnya dipertimbang semula, tetapi kita nampak di sini pihak kementerian ataupun kerajaan prioritinya salah, oleh kerana kelengkapan tentera di negara kita sendiri tidak diberi pertimbangan sewajarnya, membeli alat-alat helikopter kegunaan tempatan mungkin juga diperlukan, kapal terbang kita pun ada juga beberapa yang jatuh

terhempas dan semuanya ini seharusnya diambil perhatian juga.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli dari Kubang Kerian iaitu kalau tentera kita berkhidmat dengan NATO dan juga Bangsa-bangsa Bersatu, kenapa mesti Malaysia yang menanggung perbelanjaan itu? Seharusnya perbelanjaan itu dibebankan kepada badan Bangsa-bangsa Bersatu. Oleh kerana rakyat kita sudah sanggup untuk pergi berkhidmat di Bosnia dengan menyediakan kekuatan tenaga, kenapa pula lagi kita perlu menyumbang dari segi kewangan? Orang lain hanya jadi penonton sahaja.

Tuan Pengerusi, inilah persoalannya dan saya harap kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan akan menyelidik atau mempertimbang semula keutamaan di masa-masa yang akan datang. Itu sahaja pandangan saya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong, selepas ini diminta kementerian menjawab.

4.23 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, pendek sahaja mengenai pasukan kita di Bosnia-Herzegovina. Dua hari yang lepas, saya ada mengikuti liputan di TV dan juga di akhbar mengenai lawatan Perdana Menteri dan disambut oleh sebahagian daripada anggota tentera di Bosnia, cuma saya dapati semasa itu mereka berada di Macedonia bukan di Bosnia, bolehkah Yang Berhormat menerangkan bilangan tentera kita di Bosnia? Itu yang pertama.

Yang kedua, kem-kem mereka berada, sama ada hanya di Bosnia ataupun sekarang saya nampak berada di Macedonia, mungkin ada di sempadan dengan Croatia dan setakat ini jenis senjata yang mereka dibenarkan memandangkan masih ada pihak Serb yang mengganas dan apakah jenis senjata yang mereka

dibenarkan untuk mereka gunakan semasa mereka bertugas di Bosnia?

Tuan Pengerusi, dan juga bilakah tempoh yang ditetapkan bagi pasukan kita mengundurkan diri daripada I-FOR-NATO itu, memang pihak NATO sendiri mempunyai satu jadual untuk mengundurkan tentera mereka daripada Bosnia dan bilakah pihak Malaysia akan mengundurkan tenteranya?

Saya memahami bahawa di dalam konvensyen dan amalan untuk menghantar tentera Malaysia ke negara-negara seperti Bosnia di bawah NATO ataupun di bawah Bangsa-bangsa Bersatu memang mengikut amalan yang biasa daripada segi perbelanjaan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, bagaimana penyelarasan ataupun koordinasi diadakan di antara tentera kita dengan tentera-tentera NATO yang lain sama ada pihak tentera kita memang bertugas mengikut jadual kita sendiri ataupun mengikut arahan atau pemerintahan daripada pihak komander NATOnya? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

4.26 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Tuaran dan Kepong kerana mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat jawatankuasa berkenaan dengan tambahan perbelanjaan Kementerian Pertahanan.

Saya ingin menjawab satu persatu perkara yang dibangkitkan terutamanya berkenaan dengan mengapa kita terpaksa membiayai sendiri segala perbelanjaan di Bosnia-Herzegovina seperti yang

ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan Ahli Yang Berhormat dari Tuaran.

Ini satu keputusan yang dibuat secara bersama dan juga kita jangkakan bahawasanya walaupun ini satu sumbangan yang amat besar tetapi ianya merupakan satu investment ataupun pelaburan jangka panjang. Oleh kerana kita yakin bahawasanya setelah kita membantu mengembalikan keamanan di Bosnia-Herzegovina dan apabila negara itu akan dibangunkan semula, kita yakin kerajaan kita dan syarikat-syarikat daripada negara kita akan diberi projek ataupun kontrak untuk kita membangunkan semula Bosnia-Herzegovina, ini sekali gus kita akan dapat memulangkan kadar pelaburan kita selain daripada kita mendapat banyak kebaikan dari segi kaca mata dunia.

Daripada segi komitmen kita terhadap apa yang kita perjuangkan di peringkat antarabangsa, tak guna kita melaungkan berbagai-bagai isu yang membabitkan manusia sejagat, yang membabitkan dengan tidak ada keadilan di peringkat kuasa-kuasa besar di dalam dunia terhadap 'human rights' sebagai contohnya dan tidak berbuat apa-apa tindakan. Kita mengutarakan berbagai-bagai perkara yang kita nampakkan tak adil dan tidak betul di peringkat antarabangsa dan kita ikuti dengan kita punya komitmen dan tindakan yang selari dengan kita punya ketetapan. Ini telah meletakkan imej negara kita ke tahap yang kita boleh banggakan. Ini juga satu pelaburan, satu investment yang kita anggapkan baik dan insya-Allah kita akan dapat juga daripada segi return of investment, dengan izin, daripada sumbangan kita ke Bosnia dan bantuan kita untuk membangunkan Bosnia pula. Dengan itu, kita dapat pula satu imej yang tidak ternilai harganya dan Ahli Yang Berhormat sendiri pun saya tahu banyak mendengar perkara yang sama semasa pergi keluar negara berjumpa dengan pelbagai bentuk masyarakat

antarabangsa dan pemimpin-pemimpin antarabangsa.

Saya berani mencabar Ahli Yang Berhormat sekalian bahawasanya tidakkah mereka kagum melihat pendirian kita, yang begitu tegas, yang begitu konsisten dengan apa yang berlaku di dunia yang kita nampak tidak adil, tidak seimbang dan kini kita dilihat sebagai sebuah negara yang menjadi contoh, menjadi pimpinan yang boleh diikuti oleh orang ramai?

Tuan Pengerusi, semuanya ini adalah satu perkara yang tidak ternilai harganya, yang kita dapat melalui dasar pendirian kita tentang apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina.

Tentang Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian menyatakan adakah kita kebebasan bertindak, sesungguhnya kita bertugas di bawah arahan daripada pihak NATO tetapi kita tidak ada apa-apa halangan untuk kita membantu pihak Bosnia, apatah lagi pihak Bosnia itu yang mana ditindaskan oleh pihak Serbia. Kita lihat bahawasanya umumnya pihak NATO pun sedar dan insaf bahawasanya pihak Bosnia lah yang tertindas dan segala apa yang kita beri untuk kita bantu pihak Bosnia itu - kita lihat dahulu pun di bawah PBB dan kini di bawah NATO - mereka tidak ada apa-apa halangan asalkan kita jangan menimbulkan lagi suasana yang banyak huru hara antara kaum-kaum yang ada di Bosnia-Herzegovina.

Pada umumnya kita puashati daripada segi pemerintah NATO tentang apa yang kita hendak buat untuk membantu rakyat Bosnia yang kita tahu rata-ratanya tertindas.

Tentang pertanyaan Yang Berhormat dari Kubang Kerian hendak membangunkan semula Bosnia Herzegovina, seperti yang saya katakan tadi, kita akan melibatkan diri. Kita telah pun dipelawa untuk membangunkan

semula negara Bosnia Herzegovina tetapi daripada penglibatan Angkatan Tentera Malaysia itu mungkin terhad hanya tertumpu kepada kerja-kerja seperti membina jambatan, jalan raya, kerja-kerja kecil dan sebagainya yang kita boleh buat di sana tetap kita laksanakan dari masa ke semasa mengikut keperluan. Tetapi apa yang kita fikirkan, kita bincangkan, ialah untuk membangunkan Bosnia Herzegovina selepas kita dapat wujudkan kedamaian di Bosnia Herzegovina untuk membangunkan semula bandar-bandar dan negara yang dilanda oleh peperangan dalam dua tiga tahun yang lampau.

Kita akan terlibat secara kerajaan dan masyarakat swasta kita digalakkan ke sana. Pihak ATM pun kini sendiri ada di sana membantu ala kadarlah setakat yang termampu dibuat oleh pihak ATM bagi membantu rakyat Bosnia Herzegovina yang memerlukan pertolongan kita.

Tentang bantuan senjata kepada tentera Bosnia Herzegovina ini kita akan lihat keadaan macam mana. Dulu pun, kita katakan yang kita sanggup membantu memperkukuhkan peralatan senjata kepada tentera Bosnia Herzegovina dan kita akan lihat keadaan dan bila tiba masanya kita yakin pihak kerajaan akan menimbangkannya mengikut keperluan tertentu dan keperluan semasa.

Tentang tentera sukarelawan yang ada di sana, kita pun hanya dengar-dengar melalui akhbar, televisyen dan sebagainya kononnya ada negara menghantarkan tentera untuk membantu peperangan di kalangan pihak Bosnia Herzegovina. Yang saya tahu, mereka yang telah dikenal pasti yang membantu secara tidak direstui oleh pihak-pihak yang menjadi pendamai, mereka telah pun diminta untuk dikeluarkan oleh pihak Bosnia Herzegovina. Kita dalam keadaan ini tidak mengambil apa-apa pendirian oleh kerana ia tidak membabitkan negara kita.

Walau bagaimanapun, kita tekankan bahawasanya mereka yang tertindas itu harus diberi bantuan sebab sejak awal lagi, kita di antara negara yang terdepan sekali meminta agar embargo senjata kepada Bosnia Herzegovina ditarik balik, kita juga sanggup membantu Bosnia Herzegovina dari segi persenjataan dan sebagainya. Tetapi khusus dalam kes di mana tentera sukarelawan ini yang dihantar itu telah keluar daripada budi bicara dan tanggungjawab kerajaan Malaysia.

Tuan Pengerusi, selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat dari Tuaran mengatakan sama ada lebih penting masalah luaran daripada masalah dalaman. Nyata pendapat Yang Berhormat itu amat cetek sekali, kita nampak kurang waras kerana kita telah menerangkan beberapa kali tentang mengapa dan apa sebabnya Malaysia mengambil tindakan yang kini lebih global, sebab pulangnya (return) kelak akan juga menguntungkan kita.....

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, dia bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Bukannya bermakna kita melabur sedikit, sebentar ya, Yang Berhormat, untuk kepentingan sejagat ataupun universal ataupun antarabangsa yang mana kita tidak mementingkan negara kita. Kita boleh menyumbangkan kepada dunia oleh kerana negara kita agak terkawal, dalam keadaan yang baik, jadi harus kita membantu lain-lain negara, lain-lain pihak yang memerlukan bantuan lebih daripada kita. Di samping itu kita tidak mengenyepikan masalah dalam negara kita, walaupun ada sedikit-sedikit masalah itu adatlah, kita dalam dunia ini siapa tiada masalah! Mana negara pun, sesiapa pun dan apa keadaan sekali pun terpaksa menghadapi sedikit-sedikit masalah, tetapi

tidaklah sehebat, sebesar apa yang berlaku di Bosnia Herzegovina yang membabitkan dunia akhirnya. Kalau kita tidak berkeras, perkara yang sama juga boleh berlaku di negara kita!

Maka, sebagai kita hendak pre-empt negara kita, negara-negara yang kecil supaya tidak berlakunya keadaan yang sama seperti yang berlaku di Bosnia Herzegovina, kita perlu menunjukkan kita punya pendirian dan komitmen agar dunia akan buka mata dan akan lebih peka tentang pentingnya juga negara-negara kecil walaupun keadaan agak tidak semestinya sama apa yang berlaku di Bosnia Herzegovina tetapi ianya juga boleh berlaku juga di Malaysia. Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya harap saya tidak disalah faham. Saya sudah katakan bahawa kita memang menyokong dan mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk membantu mereka yang bernasib malang. Soalan saya ialah, adakah tindakan kita ini tidak mungkin menimbulkan masalah yang hingga mengakibatkan moral anggota-anggota tentera kita sendiri dari segi keperluan oleh kerana banyak serba kekurangan yang diperlukan dan saya percaya banyak permohonan atau permintaan-permintaan untuk dibeli atas keperluan ketenteraan kita tetapi tidak dapat dilaksanakan ataupun tidak dapat ditunaikan. Jadi, mengapa? Di manakah priority kita dalam hal ini? Itu yang saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Pengerusi, dari segi moral itu, saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat pergi tanya sendiri mereka yang telah pun pergi dan balik dari Bosnia Herzegovina, adakah hendak pergi lagi? Mereka semuanya hendak pergi. Mereka hendak menunjukkan bahawasanya mereka memang mempunyai semangat tinggi dari



segi keperwiraan mereka dan juga kita lihat bahawasanya dari segi moral ini mereka langsung tidak luntur malah lebih hebat lagi. Tambahan pula dengan kita menghantar mereka ke Bosnia-Herzegovina, kita juga mendapat peruntukan yang bertambah, seperti yang kita minta diluluskan dalam Parlimen pada hari ini.

Dengan mereka pergi itu, maka kita boleh beli lain-lain peralatan dan senjata untuk dibekalkan kepada mereka. Ini satu faedah dan kebaikan kepada ATM sebab dengan kita menghantar tentera kita ke Bosnia-Herzegovina, maka kerajaan sanggup meluluskan satu peruntukan yang ditambahkan daripada apa yang telah pun diputuskan melalui perancangan lima tahun kita yang baru habis pada tahun sudah. Bermakna, dari segi moral, dari segi keperluannya, semuanya meningkat, Yang Berhormat. Agaknya Yang Berhormat ini kurang faham ataupun kurang menyelidik tentang apakah keadaan sebenarnya. Diharap Yang Berhormat sekarang ini jelaslah bahawasanya kita dapat mempertingkatkan moral askar-askar kita, tambah pula kita dapat mempertingkatkan sedikit lagi keperluan walaupun tidak menyeluruh tetapi ia meningkat dan bertambah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta jalan lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menghargai moral anggota tentera kita yang berani berkorban bukan sahaja untuk mempertahankan negara kita tetapi juga sanggup berkhidmat secara global. Itu kita akui dan kita alu-alukan. Ini semangat yang paling tinggi yang kita semua hargai. Tetapi persoalan saya tadi ialah dengan kita menggunakan wang untuk kepentingan ataupun hanya semata-mata untuk menunjukkan kemampuan kita ataupun keikhlasan kita untuk membantu negara asing, adakah semua keperluan tentera kita di tanah air kita ini

dapat kita tunaikan tanpa mereka merungut sehingga kalau mereka merungut sudah tentu mereka merasa moral akan terjejas oleh kerana kalau pergi ke luar negara, kita sanggup untuk memperuntukkan tetapi keperluan tentera kita untuk mempertahankan negara kita sendiri mungkin ada yang tidak ditunaikan? Itu yang saya ingin persoalkan.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tidak mungkin pada mana masa sekalipun, mana negara sekalipun, mana tentera sekalipun mendapat kesemua yang dikehendaki oleh mereka. Dan masalah merungut ini, Yang Berhormat, bila-bila pun tidak akan selesai. Isteri di rumah pun merungut juga, bukan? Jadi, kesah merungut ini tidak akan selesai, tetapi kita tengok di atas kita punya keutamaan (priority).

Umumnya, saya yakin dan saya percaya rakyat jelata menyokong penuh, Yang Berhormat menyokong penuh tadi, apa yang dibuat oleh kerajaan tentang tentera kita di Bosnia-Herzegovina. Tetapi juga merungut-merungut walaupun nampak asasnya kukuh. Cukuplah Yang Berhormat dan saya harap Yang Berhormat lebih jelas sekarang selepas saya menjelaskan tentang mengapa kerajaan mengambil tindakan berkenaan dengan penghantaran askar kita ke Bosnia-Herzegovina.

Bagi Yang Berhormat dari Kepong yang ingin tahu tentang jumlah dan penempatan askar-askar kita di Bosnia-Herzegovina. Kini kita mempunyai 1,533 anggota yang berkhidmat di Bosnia-Herzegovina dan mereka ini ditempatkan seperti berikut:

Tempat	Pegawai (orang)	Lain-lain Pangkat (orang)
Split	15	177
Livno	54	419
Glamoc "A"	23	338
Glamoc "B"	6	153
Kupres	5	215
Kiseljak	1	25

Berkenaan dengan jenis-jenis senjata, selain daripada senjata-senjata yang biasa dibekalkan kepada tentera kita, kita juga ada membekalkan mereka dengan senjata seperti automatic granite launcher dan medium granite launcher, seperti apa yang dibelanjakan melalui peruntukan tambahan ini.

Kita juga membekalkan mereka dengan infantry fighting vehicles yang mana boleh membantu mereka menjalankan tugas seperti yang dikehendaki oleh pihak NATO dan I-FOR.

Tempoh untuk mereka berkhidmat di Bosnia adalah sehingga penghujung tahun ini. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Malaysia telah membuat satu ketetapan bahawasanya kita sanggup menyambung terus perkhidmatan mereka di sana sekiranya diperlukan oleh Bosnia-Herzegovina itu sendiri. Tunggulah apabila tamat tempoh mereka untuk tahun ini, dengan apa-apa keadaan yang berlaku semasa mereka masih berada di Bosnia dan sekiranya Kerajaan Bosnia ingin meneruskan perkhidmatan kita di sana, saya kira dan saya yakin pihak kerajaan akan menimbangkannya dan justeru itu meneruskan perkhidmatan mereka di Bosnia-Herzegovina.

Akhirnya, tentang koordinasi dengan tentera NATO, kita pun di sana adalah di bawah arahan tentera British yang juga menjadi salah satu negara di bawah NATO dan segala program yang dibuat adalah atas arahan yang dibuat oleh the Commanding Officers NATO dan kita ikut serta kita akur apa sahaja arahan yang dibuat bersama oleh pihak NATO itu sendiri.

Tuan Pengerusi, itulah beberapa perkara yang telah disentuh dan dijawab di atas apa sahaja hujah-hujah yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dan saya ucapkan terima kasih atas minat Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian Pertahanan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM81,584,256 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM81,584,256 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1996.

**Maksud B.26 (Jadual)—  
Maksud P.26 (Anggaran Pembangunan  
(Tamb.) (Bil. 4) 1995)—**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepala Bekalan B.26 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Bagan.

4.45 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng (Bagan):** Tuan Pengerusi, saya perhatikan bahawa murid-murid yang mengambil peperiksaan STPM perlu menunggu lebih kurang 6 bulan untuk mengetahui keputusan STPM. Selalunya peperiksaan STPM akan

diadakan pada bulan September atau bulan Oktober dan keputusannya hanya akan diumumkan pada Mac tahun berikutnya. Ini bermakna, masa selama 6 bulan diambil untuk mengetahui keputusan STPM.

Setelah keputusan STPM diumumkan, baru murid-murid boleh memohon untuk memasuki universiti atau IPT. Ini pun entah berapa bulan baru boleh tahu sama ada mereka berjaya atau tidak. Dalam tempoh ini, anak-anak kita akan terdedah kepada persekitaran yang tidak sihat atau kegiatan-kegiatan yang tidak diingini.

Dalam usaha memendekkan tempoh pengajian di semua peringkat persekolahan supaya tenaga manusia dapat disalurkan ke dalam masyarakat kita untuk membangunkan negara, tetapi murid-murid kita telah dibazirkan masa selama 6 hingga 10 bulan dari tarikh peperiksaan STPM hingga tarikh memasuki universiti.

Saya ingin bertanya di sini, bolehkah Kementerian Pendidikan memendekkan tempoh mengetahui kelulusan STPM supaya murid-murid kita ini dapat memendekkan pengajian mereka, baik di peringkat IPT ataupun di universiti.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong.

4.47 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya nampak ada banyak perkara yang berbangkit daripada Maksud B.26 dan P.26 dan saya akan menyentuh beberapa perkara.

Dua tiga hari yang lepas, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun membuat beberapa kenyataan, termasuk di dalam tempoh 4 tahun ini, pada tahun 2000, hampir semua sekolah, terutamanya sekolah menengah akan mempunyai komputer dan Internet.

Memang kita sentiasa mencadangkan supaya semua sekolah, terutamanya universiti dan sekolah menengah dibekalkan dengan komputer dan Internet. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengumumkan bagaimana ini dapat dilaksanakan kerana nampaknya hendak membekalkan komputer dan mengadakan Internet di kebanyakan sekolah itu, memang menghadapi banyak masalah, bukan begitu senang. Termasuklah kita hanya mempunyai satu pembekal ataupun penganjur Internet sahaja iaitu Jaring.

Jaring, nampaknya, walaupun note itu sudah ditambahkan, dia hendak Gerik, macam mana? Yang Berhormat dari Gerik, tak boleh cakap macam mana?

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, teruskan. Internet ini, di bawah butiran mana, Yang Berhormat? Yang Berhormat....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, ada....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** .....peruntukan yang diminta di bawah butiran mana?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memang sudah jangka Yang Berhormat akan bangkitkan.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa berjalan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada satu butiran di bawah Maksud P.26—Pendidikan Sekolah Rendah Akademik dan Maksud B.14—Pendidikan Peringkat Rendah dan sebagainya, memang kita memerlukan kontraktor untuk membekalkan komputer.

Tuan Pengerusi saya ada nampak juga kerana banyak perkara yang berbangkit dari kedua-dua maksud tersebut. Saya

setuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya berharap dia dapat mengumumkan jadual atau cara bagaimana kita dapat membekalkan, termasuk ada lebih 1000 sekolah yang masih tidak mempunyai bekalan elektrik iaitu sekolah-sekolah lama yang diwujudkan oleh pihak kolonial.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, pihak kementerian pada akhir-akhir ini sentiasa melaung-laungkan keperluan untuk menambahkan pelajar-pelajar sains di negara ini. Saya tidak menafikan kita mesti menggalakkan lebih banyak pelajar menyertai jurusan sains, matematik dan profesional dan suasana di sekolah dan juga di luar sekolah mesti diubahsuai untuk menampung pelajar-pelajar sains.

Saya tidak nampak selain daripada seruan dan saranan untuk memperbaiki nisbah di antara pelajar sains dan pelajar-pelajar arts atau sastera yang nampaknya pelajar sains dan sastera ialah 1:4.

Dan pada tahun 2000, ini akan disasarkan menjadi 3:2. Sama ada nisbah ini dapat dicapai saya pun tidak tahu kerana banyak faktor yang wujud yang menghalang para pelajar menyertai jurusan sains.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya minta sedikit penjelasan Yang Berhormat. Sekarang perbincangan ini dalam Jawatankuasa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang. Memang.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ia berkaitan dua perkara, Yang Berhormat. Sebentar ya. Kita tidak banyak masa. Itu sebab saya kena sekat perbincangan ini dan menentukan bahawa dalam Peraturan Mesyuarat kita kena spesifik....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Betul. Betul, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ia ada dua perkara, Yang Berhormat. Imbuan kakitangan dan perbelanjaan mengurus. Bukan berkaitan apa pembelajaran, berapa ramai murid, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang ada, Tuan Pengerusi. Banyak.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Timbalan Menteri Pendidikan pun lihat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** B.26 pun ada.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Timbalan Menteri Pendidikan pun bersetuju dengan saya, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Ya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Mintalah. Kalau tidak ada point...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Banyak kepada universiti dan Hospital Universiti. Banyak! Cuma ini di dalam universiti juga. Tuan Pengerusi, banyak.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, kalau kita bercakap pasal universiti, sampai langit dan bumi kita boleh bercerita. *(Ketawa)* Ini di dalam jawatankuasa, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Ya. Saya faham.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat lebih matang daripada saya di dalam Dewan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya faham. Saya faham, Tuan Pengerusi memang sebagai Tuan Pengerusi, hendak habiskan semua ini pada pukul 6.30 petang. Saya akan membantulah.

Sebenarnya saya banyak hendak cerita mengenai jurusan sains dan sastera. Cuma saya mintalah jangan kita tergopoh-gapah untuk mencapai matlamat ini. Kita memang mengambil iktibar daripada negara-negara lain seperti Australia, Singapura, United Kingdom dan Amerika Syarikat; macam mana mereka memupuk pelajar menyertai jurusan sains. Itu memang diperlukan. Kita tidak boleh dengan tergesa-gesa sehingga bila keluar daripada universiti, bila dapat kerja, gajinya lebih rendah daripada jurusan sastera. Sama ada di dalam Kementerian Pendidikan sendiri atau pun di syarikat-syarikat transnasiona, memang mereka dapat gaji dan emolomen yang tidak begitu lumayan berbanding dengan jurusan sastera dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, sebenarnya banyak perkara yang hendak saya bangkitkan dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengumumkan bilakah cawangan universiti terkemuka, universiti asing akan diadakan di negara ini walaupun perkara ini dibangkitkan banyak kali dan juga universiti-universiti swasta tempatan termasuk dari Telekom, TNB dan sebagainya? Bilakah universiti-universiti ini akan diadakan di negara ini?

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya setujuah kita mesti pendekkan ucapan dan kerana ada satu jam setengah sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bukan sahaja pendekkan ucapan, ia mesti berkenaan dengan tajuk, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang pun kena, Tuan Pengerusi. Tengok Tuan Pengerusi, banyaklah termasuk IPT dan tujuh institusi pengajian tinggi. Banyak ini, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ia berkaitan dengan Perbelanjaan Mengurus sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang mengurus. Bila mengurus, kita hendak mereka mengurus dengan baik. Bila kita hendak mereka mengurus dengan baik, ini membabitkan banyak bidang. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bukit Bendera.

4.55 ptg.

**Tuan Lim Si Cheng (Senai):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.26, Butiran Projek 01100 - Bantuan Modal sebanyak RM3,380,000 diperlukan untuk membiayai bantuan modal bagi 200 buah sekolah.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa bangunan-bangunan sekolah bantuan modal sejak hari kemerdekaan negara kita memang tidak begitu diberi perhatian untuk tujuan pembangunan dan pembinaan semula khususnya di mission schools, dengan izin, SRJK(C) dan SRJK(T) dan juga termasuk sekolah rendah kebangsaan yang terletak di kawasan estet.

Tuan Pengerusi, masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah jenis ini yang terletak di kawasan luar bandar bukan sahaja bilik-bilik darjah berjenis substandard, bahkan kebanyakan sekolah yang terletak di kawasan luar bandar tidak mempunyai pusat sumber, perpustakaan dan juga tidak ada kantin.

Baru-baru ini saya telah membuat lawatan ke beberapa sekolah di kawasan saya sama ada SRJK(T) ataupun sekolah rendah kebangsaan, tidak ada kemudahan yang telah saya bangkitkan sebentar tadi itu dan SRJK(T) tidak ada kantin, saya sendiri lihat kanak-kanak terpaksa makan minum di bawah pokok. Jadi, Tuan Pengerusi, peruntukan yang disediakan memang tidak mencukupi seperti yang telah kita bangkitkan ini iaitu sejumlah

RM3,380,000 untuk 200 buah sekolah. Pukul rata sebuah sekolah hanya mendapat RM20,000 sahaja.

Tuan Pengerusi, bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, pekerja-pekerja estet bagaimana mereka dapat mencari wang dengan mengutip derma. Ini memang salah satu perkara yang perlu kita ambil perhatian. Apabila mereka tidak dapat mengutip derma, tidak dapat mencari sumbangan daripada orang awam dan kerajaan tidak mampu memberi peruntukan yang secukupnya, jadi macam mana kita boleh memastikan prestasi kanak-kanak daripada kawasan luar bandar ini tidak akan terjejas.

Jadi, oleh kerana peruntukan bantuan modal yang disediakan oleh pihak kerajaan pada hari ini jika dibandingkan dengan bilangan sekolah yang memerlukannya, adalah amat sedikit sangat dan ini pun perlu dinanti-nantikan oleh pihak sekolah selama beberapa tahun permohonan itu dibuat. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan dapat membuat kajian teliti terhadap keadaan sekolah-sekolah bantuan modal.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Parit Sulong.

4.59 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di dalam menyokong peruntukan ini di peringkat Jawatankuasa, saya cuma ingin mengetengahkan satu pertanyaan kepada Kementerian Pendidikan. Adakah benar bahawa sekarang ini ada satu persiapan bagi pihak kementerian untuk mengemukakan kembali sekolah satu sesi? Persoalan ini saya ketengahkan oleh kemungkinan kalau perkara ini dijalankan tanpa perundingan-perundingan yang teliti dan terperinci dengan pihak kerajaan negeri, contohnya seperti Kerajaan Negeri

Johor, maka dasar sekolah satu sesi ini akan menjejaskan masalah sekolah agama yang selalunya diadakan pada sebelah petang di negeri Johor. Saya minta penjelasan yang terperinci mengenai hal ini.

Saya menyokong, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pengkalan Chepa.

5.00 ptg.

**Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh maksud B.26 secara ringkas.

Yang pertama, saya ingin mengemukakan pertanyaan kepada pihak kementerian, dalam jawapan kepada soalan saya dalam sesi Parlimen yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengatakan bahawa apabila kerajaan menyusun semula kedudukan jabatan-jabatan di dalam Kementerian Pendidikan, kementerian berhasrat untuk meningkatkan kedudukan Bahagian Pendidikan Islam dan Moral, tetapi soalnya kenapa sehingga kini tidak ada post bagi Bahagian Pendidikan Islam dan Moral di peringkat negeri-negeri. Kerana setakat yang kita tahu post tersebut hanya ada di peringkat kementerian sahaja dan tidak ada di peringkat negeri-negeri dan pegawai yang terlibat dalam pendidikan Islam diletakkan di bawah pentadbiran orang lain, yang kadangkadangkang kemungkinannya tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang Islam. Ini telah menimbulkan sungutan hampir di seluruh negeri dan menimbulkan rasa tidak puashati di kalangan pegawai-pegawai dalam Bahagian Pendidikan Islam.

Yang kedua ialah tentang Universiti Islam Antarabangsa. Apabila UIA ditubuhkan beberapa ketika dahulu, masyarakat menaruh harapan yang tinggi

kepada UIA untuk melahirkan graduan-graduan yang bukan sahaja mahir dalam ilmu-ilmu agama dan semasa juga mempunyai akhlak dan pekerti yang baik. Tetapi dalam beberapa tahun kebelakangan ini kita mendengar banyak sungutan daripada masyarakat dan juga keluhan daripada kakitangan UIA sendiri tentang masalah akhlak dan disiplin di kalangan pelajar-pelajar UIA sendiri, bahkan kita mendengar beberapa kes yang tidak sepatutnya berlaku di kalangan para pelajar sebuah institusi pengajian Islam.

Ada beberapa orang pelajar UIA yang telah ditahan kerana terlibat dengan dadah dan ada ramai pelajar UIA yang mengunjungi kelab-kelab malam dan disko-disko di sekitar Petaling Jaya dan Kuala Lumpur pada malam minggu dan ada juga di kalangan mereka yang mempunyai 'hubungan' atau 'sex affairs' di kalangan pelajar sesama mereka dan juga dengan orang lain.

Kita harap pihak kementerian dapat memberikan perhatian kepada perkara ini dan mengambil jalan untuk memulihkan imej Universiti Islam Antarabangsa supaya dapat menjadi contoh kepada masyarakat.

Selain daripada itu, terdapat juga sungutan di kalangan kakitangan UIA terutama daripada pensyarah-pensyarah tempatan tentang corak pentadbiran yang diamalkan di Universiti Islam Antarabangsa. Ramai di kalangan mereka tidak berpuashati dengan corak pentadbiran yang diamalkan iaitu seolah-olah ada diskriminasi terhadap kakitangan-kakitangan tempatan daripada Malaysia. Perkara ini sebenarnya telah disuarakan beberapa tahun yang lalu dan telah keluar di dalam akhbar beberapa kali, tetapi sayangnya tidak ada tindakan yang dilakukan oleh pihak pentadbiran UIA.

Saya difahamkan sungutan telah disampaikan kepada Presiden UIA sendiri, tetapi nampaknya perkara itu tidak

diberikan perhatian dan tidak cuba diselesaikan dan sampai sekarang pun mengikut ceritanya masih ramai lagi kakitangan tempatan yang berada di UIA merasa tidak berpuashati dengan pihak pentadbiran dan kerana itu kita mengharapkan supaya sesuatu dilakukan oleh pihak kementerian supaya memulihkan keadaan ini untuk mengembalikan moral dan semangat bekerja bagi kakitangan UIA.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tuanar, selepas ini kementerian menjawab.

5.07 ptg.

**Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran):** Tuan Pengerusi, saya hanya membangkitkan dua perkara sahaja di dalam Maksud B.26 dan P.26.

Saya ingin menyentuh tentang bantuan modal, Tuan Pengerusi. Saya hanya menagih hutang pihak Barisan Nasional untuk membantu sekolah-sekolah rendah bantuan kerajaan untuk ke sekolah Cina di Sabah, di mana pihak Barisan Nasional telah menjanjikan tidak kurang daripada RM35 juta untuk bantuan modal ini, tetapi sehingga sekarang saya fikir baru RM2 juta yang telah ditunaikan.

Adakah jumlah RM3,380,000 ini akan melibatkan bantuan-bantuan kepada sekolah-sekolah Cina di Sabah dan khususnya di Tampaluri: kawasan saya dalam kawasan Tuaran, terdapat sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Chunghwa di pekan Tampaluri, di mana sekolahnya sudah usang dan pihak Jabatan Pendidikan perlu memberi bantuan oleh kerana sekolah kerajaan tidak mencukupi dan kebanyakan kanak-kanak di peringkat rendah pergi ke sekolah itu?

Saya harap pihak kementerian akan menyalurkan bantuan kepada SRJK Chunghwa pekan Tampaluri dan juga St.

Philip di Tampaluri. Seharusnya janji-janji untuk bantuan sebanyak RM35 juta itu diberikan kepada sekolah-sekolah Cina di seluruh Sabah ditunaikan, memandangkan Sabah sangat-sangat memerlukan sekolah.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini kebanyakan sekolah yang dijalankan oleh kaum Tionghua di Sabah sebenarnya bukan dihadkan pengambilannya kepada kaum Tionghua sahaja, bahkan kebanyakan kanak-kanak kaum bumiputera pun pergi ke situ juga. Jadi, kita berharap supaya kementerian akan memberi bantuan yang sewajarnya terutama sekali oleh kerana ada janji diberi oleh kerajaan.

Yang kedua, saya ingin penjelasan ataupun perhatian daripada kementerian ialah tentang latihan guru-guru di Kent College Tuaran di mana ada terdapat lebih kurang 100 orang guru Kursus Dalam Cuti (KDC) yang mengikuti kursus latihan perguruan dan akan tamat di dalam masa tidak lama lagi. Ada pula guru-guru yang baru diambil, mereka akan meneruskan pelajaran mereka dan akan mendapat ijazah diploma, tetapi mereka yang sudah berkhidmat dan diberi kursus di dalam cuti tidak pula diberi pengiktirafan ataupun diberi ijazah, sedangkan kalau diambil kira pengalaman mereka yang sudah berkhidmat begitu lama sudah tentulah mereka lebih mahir dan juga komitmen mereka di dalam karier mereka sudah terbukti.

Jadi, persoalannya adakah tidak wajar bagi kementerian untuk membuat satu mekanisme di mana mereka yang kini menjalankan Kursus Dalam Cuti ini juga diberi diploma dengan beberapa perubahan di dalam kursus yang mereka ikuti, supaya mereka tidak akan kecewa? Oleh kerana, kalau mereka diberi kursus bersama-sama dengan pelajar-pelajar yang baru, tetapi bila guru-guru yang menjalani....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat maktab perguruan tidak ada dalam Butiran ini.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ya, ini terlibat di dalam peruntukan pendidikan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat kena tengok di bawah 'P' dan 'B' - tidak ada peruntukan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Institusi pengajian tinggi juga.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Saya suka mengingatkan bahawa perbincangan kita dalam Jawatankuasa, jangan terpesong daripada itu. Dalam Jawatankuasa Yang Berhormat kena tengok betul-betul dalam peruntukan mesyuarat, bahawa dia kena spesifik di dalam item yang ditetapkan dengan Butiran-butirannya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tetapi nanti saya tidak dapat mengemukakan masalah-masalah ini, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Itu kena tunggu perbincangan yang lain, Yang Berhormat. Dalam Jawatankuasa dia kena spesifik kepada item yang telah ditetapkan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Pengerusi, saya rasa di bawah IPT, perkara itu ada terlibat dan mereka telah menggubal dasar dan menggubal .....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila teruskan kalau ada perkara lain yang berkaitan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Itulah sahaja yang.....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sebab memang macam itulah dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Kalau demikian, Tuan Pengerusi, saya mengambil masa yang lain. Terima kasih.



**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta Kementerian menjawab.

5.10 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Pengerusi, pertamanya saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dalam peringkat Jawatankuasa. Biasanya pihak rakan-rakan kita dari parti pembangkang, kalau mereka baca betul-betul kertas perintah yang diberi ini, dia tak boleh lari daripada apa yang hendak dipertanyakan. Jadi, saya mungkin tak jawab perkara-perkara yang tidak berkaitan. Saya cuma hendak beri penjelasan perkara-perkara yang munasabah sahaja.

Yang pertama, Yang Berhormat dari Bagan, ini tak ada kena-mengena dengan perbahasan. Cuma saya hendak jelaskan sebab statement beliau agak berat sedikit. Sebenarnya tempoh keputusan SPM dikeluarkan sekarang antara tiga hingga empat bulan sahaja, dan tak sampai enam bulan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Bagan. Masa itu kita fikirkan munasabah dan memadai, ini disebabkan pemeriksaan kertas-kertas jawapan kena diteliti dengan betul, kerana kita juga memberikan penekanan kepada soal kualiti semasa kita menguruskan kerja ini yang perlu dijaga.

Yang kedua, Yang Berhormat dari Kepong, lagi jauh daripada maksud kertas perintah. Ini soal dasar. Tinggal lagi.....

**Tuan Lim Hock Seng: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bagan bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tidak. Saya hendak jelaskan lagi. Yang Berhormat dari Kepong, ini soal

komputer. Saya sudah jelaskan beberapa kali. Saya cuma hendak sebut sedikit sahaja. Apa yang kita kata ialah matlamat jangka panjang kita sehingga tahun 2000. Kita faham akan masalah yang ada, terutama sekali dari segi belanjanya, tenaga pengajarnya dan lain-lain perkara yang ada hubung kait dengan proses pelaksanaan. Kita sedang teliti, kaji perkara ini dengan cermat supaya kita dapat capai matlamat itu menjelang tahun 2000.

Saya berterima kasih di atas pandangan baik Yang Berhormat kerana memahami masalah ini, dan hasrat, kerajaan ialah untuk cuba seberapa yang boleh mencapai matlamat itu dengan mencari jalan macam mana hendak mengatasi persoalan-persoalan itu. Tetapi saya hendak tegaskan permulaan telah kita buat. Ada sekolah-sekolah yang telah dibekalkan dengan komputer. Ada 15 buah sekolah sekarang telah pun disambungkan dengan Internet, dan kita akan teruskan usaha ini secara beransur-ansur mengikut kemampuan dan keupayaan kita. Itu secara kasar yang saya hendak jelaskan. Dalam rancangan Malaysia Ketujuh nanti, kita akan cuba pertingkatkan pelaksanaannya.

Kemudian, soal hendak menambah bilangan pelajar-pelajar kita di jurusan sains daripada sastera. Saya berterima kasih di atas kesedaran Yang Berhormat dari Kepong akan masalah-masalah yang menyelubungi usaha kita hendak mencapai matlamat itu. Tetapi memandangkan kepada matlamat yang hendak kita tuju dari segi pembangunan masa depan negara kita, kita tidak ada pilihan, kita kena mula daripada sesuatu peringkat, dan apa juga persoalan yang ada kita cuba cari jalan, baik dari segi pendedahan, dari segi minatnya, dari segi mendorong pelajar-pelajar kita supaya mengambil bidang sains dan teknologi ini dengan lebih luas lagi di masa-masa yang akan datang.

Contohnya, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini nanti, insya-Allah kita akan cuba perkukuhkan lagi asas-asas untuk membolehkan murid-murid lebih meminati, dan akhirnya memberikan tumpuan kepada mata pelajaran sains dan teknologi termasuk matematik.

Tuan Pengerusi, memang dalam pelaksanaan ini kita tidak gopoh-gapah. Kita teliti dengan cermat supaya kita tidak terjerumus berdepan dengan persoalan-persoalan sampingan daripada proses pelaksanaan usaha kita hendak melihat lebih ramai lagi murid-murid dan pelajar-pelajar kita menumpukan kepada bidang sains dan teknologi ini.

Yang Berhormat dari Senai. Ini soal bantuan modal pada sekolah-sekolah, terutama sekali sekolah-sekolah yang kita takrifkan sebagai sekolah kurang murid di kawasan-kawasan luar bandar. Sekolah kurang murid maknanya, di satu-satu sekolah itu kedapatan 150 orang murid ke bawah. Saya hendak sebut angka ini sedikit supaya kita faham bagaimana bentuk masalah yang ada di hadapan kita. Untuk sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Di seluruh Semenanjung kita ada 331 buah, dengan murid 26,800 orang murid. Di Sabah kita ada 25 buah, dan di Sarawak ada 113. Di Sabah bilangan muridnya ada 2,064, dan di Sarawak 7,507 orang.

Saya sebut angka ini sebab hendak tunjuk kepada Yang Berhormat bahawa masalah itu banyak. Hendak kata kita tak beri tumpuan, tak beri bantuan dengan adil secara umum begitu, saya fikir tidak berapa tepat, saya tak berapa hendak bersetujulah. Kerana kita beri bantuan-bantuan ini, sama ada untuk membaiki sekolah, untuk menokok menambah perabot di sekolah, peralatan-peralatan yang kita beri mengikut kemampuan kita semasa.

**Tuan Lim Si Cheng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Senai bangun.

**Tuan Lim Si Cheng:** Terima kasih. Tujuan saya membangkitkan perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana masalah kepada sekolah yang terletak di kawasan luar bandar, kerana tidak mampu. Saya faham sekolah jenis bantuan ini memang bukan dibantu sepenuhnya oleh kerajaan dalam segi pembangunan. Masalahnya kerana penduduk-penduduk di kawasan luar bandar memang tidak mampu untuk mencari kerana membiayai projek-projek pembangunan. Maka untuk memastikan supaya kanak-kanak tidak menghadapi masalah, kerana tidak ada kemampuan kepada mereka. Jadi, saya memohon kepada kerajaan supaya dapat meneliti, buat kajian macam mana kita boleh mengadakan satu langkah yang lebih positif untuk membantu sekolah jenis ini supaya kanak-kanak di sekolah ini juga dapat kemudahan yang perlu dibantu oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Terima kasih Yang Berhormat dari Senai. Saya memanglah sebutkan sedikit, dalam apa juga penyaluran bantuan itu, pokoknya kita bergantung kepada bilangan orang ataupun peruntukan yang disediakan. Kita cuba tampung setakat kita yang mampu. Cuma saya hendak simpul dengan mengatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh nanti, kerajaan akan memberikan keutamaan yang tinggi untuk cuba memperbaiki dan mengatasi masalah sekolah-sekolah yang begitu uzur keadaan. Itu kita cuba buat. Tetapi saya tak sedap dengar kalau dikatakan kerajaan tak beri bantuan cara yang betul atau secara tak patut. Ini saya tidak berapa sedap dengar, kerana tanggungjawab kita kepada semua lapisan sekolah ini.

Keseluruhannya ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, kita ada 304 buah, terutama sekali di estet-estet dengan bilangan muridnya 25,418. Yang kita tahu murid-murid dalam estet ini yang kebanyakannya keturunan India, kita

juga hendak cuba mencari jalan bantu mereka, selesaikan masalah mereka supaya anak-anak itu dapat belajar dengan keadaan yang lebih selesa. Jadi, itu beban kerja (volume) yang ada dan kita cuba laksanakan setakat yang kita mampu. Dan seperti saya katakan tadi, insya-Allah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini kita akan cuba mempercepatkan dan mencari jalan untuk menyelesaikan kekurangan-kekurangan yang ada di sekolah-sekolah bantuan modal ini.

Dalam masa yang sama, dalam jawapan saya ini juga menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tuaran: Di Sabah ada 25 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina yang muridnya adalah 2,064 orang dan bila kita beri sesuatu ikatan ataupun tanggungjawab, kita cuba sempurnakan. Kalau kita janjikan RM300 juta pun, ini baru dikatakan RM300 juta, tetapi sekurang-kurangnya sudah beri RM2 juta-setakat yang kita boleh bantu dahulu, fasal di Semenanjung pun ada 331 buah sekolah China, sekolah Tamil ada 304, Sabah ada 25 buah ada, jadi, kita catu itu, ikut kemampuan kita. Tidak adalah kita hendak bohong kepada sesiapa, kalau kita cakap, kita cuba buat, bukan macam sesetengah pihak, bercakap sahaja lebih tetapi tidak pernah membuat apa-apa. Kita cuba buat, bukan kita hendak tipu-tipu, bohong-bohong, kita tidak tahu kerja macam itu.

Jadi, Tuan Pengerusi.....

**Tuan Yunof Edward Marinking:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tidak payahlah, apa hendak tanya lagi?

Jadi, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Parit Sulong—ini soal sekolah satu sesi. Saya suka jelaskan iaitu sekolah

satu sesi ini masih dalam kajian pihak Kementerian. Dan sekiranya ianya dilaksanakan, kita akan teliti dengan cermat, sensitiviti kerajaan-kerajaan negeri yang kita maklum ada hubungkaitnya dengan pelaksanaan sekolah-sekolah agama dan kita cuma akan buat keputusan selepas mengambil kira pandangan-pandangan kerajaan-kerajaan negeri dan juga kesan-kesannya yang lain kalau sekiranya sekolah satu sesi ini hendak dilaksanakan di masa-masa yang akan datang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Parit Sulong, bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit. Lebih kurang setahun yang lalu, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengatakan kepada perhimpunan agong UMNO apabila masalah sekolah satu sesi dan masalah kesannya kepada penghapusan sekolah agama di Johor ditimbulkan dalam perhimpunan agong UMNO, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa sekolah satu sesi tidak akan diwujudkan. Adakah perkara ini menjadi latarbelakang kepada usaha pihak kementerian di dalam melaksanakan strategi persekolahan yang baru.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus:** Tuan Pengerusi, kita sedar tentang kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat berhormat Timbalan Perdana Menteri di perhimpunan tersebut. Itu sebabnya saya kata kita akan melihat secara keseluruhan keadaan dan suasana ini dan kalau sekiranya kita fikirkan lebih banyak mudaratnya daripada baiknya, kita akan buat satu-satunya keputusan mengikut kesesuaian dan keadaan yang diperlukan itu.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, ini terutama sekali soal

masalah disiplin pelajar UIA. Saya cuma suka hendak jelaskan bahawa masalah disiplin pelajar-pelajar yang disebut itu tidaklah seburuk yang digambarkan dan pelajar-pelajar yang terlibat. Kita kena sedar bahawa di UIA ini ada pelajar-pelajar dari luar yang sama-sama menuntut di situ dan saya tidak bercadang hendak menghuraikannya dengan lebih lanjut, tetapi keadaannya adalah terkawal dan kita memang sentiasa mengambil tindakan-tindakan dan juga monitor perkembangan-perkembangan yang sentiasa berlaku, bukan sahaja di UIA tetapi juga di universiti-universiti atau institusi-institusi pengajian tinggi yang lain.

**Tuan Lim Hock Seng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya tadi ada menyentuh bilakah keputusan permohonan memasuki universiti atau IPT akan diumumkan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Pengerusi, soal akhlak, soal moral, semua lapisan yang terlibat di dalam alam pendidikan kita ini sentiasa kita teliti dari semasa ke semasa.

Soal pengambilan mahasiswa atau pun pelajar-pelajar kita ke institusi pengajian tinggi, ini ialah perkara rutin, dan sekarang ini kita tengah meneliti semua permohonan, tempohnya sudah ditetapkan, kecuali ada perkara-perkara besar baru kita fikirkan sama ada hendak diubahsuai atau tidak. Sekarang ini kita akan ikut proses yang kita nampak selama ini tidak banyak menimbulkan masalah kepada kita.

Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM310,466,085 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi

sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM310,466,085 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM89,370,482 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM89,370,482 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 1995.

**Maksud B.28, B.29, B.30 dan B.31 (Jadual)—**

**Maksud P.28 dan P.31 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1995—**

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepala Bekalan B.28, B.29, B.30 dan B.31 dan Kepala Pembangunan P.28 dan P.31 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas sekarang. Bagan.

5.31 ptg.

**Tuan Lim Hock Seng (Bagan):** Tuan Pengerusi, Maksud B.28 sejumlah lebih kurang RM2 juta lebih telah dibayar kepada kontrak perkhidmatan juruperunding dengan pembelian pesawat F/A-18D.

Suka saya bertanya di sini, siapakah ejen ini atau syarikat juruperunding ini dan sila berikan nama syarikat ini,

janganlah seperti anak syarikat MKK di mana Syarikat Perwaja membayar sejumlah RM6 juta lebih dan kemudiannya didapati bahawa anak syarikat MKK ini tidak wujud sekali di Hong Kong. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan diminta menjawab.

5.32 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Pengerusi, mengenai B.28 iaitu sejumlah RM2,083,300 iaitu untuk Maksud bayaran perunding bagi syarikat itu ialah Syarikat Renderburg iaitu untuk memberi perkhidmatan konsultan berhubung dengan pembelian pesawat F/A-18D sebanyak 8 unit. Sekian.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,083,300 untuk Maksud B.28, RM135,699,900 untuk Maksud B.29; RM14,000,000,000 untuk Maksud B.30 dan RM10,638,499 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,083,300 untuk Maksud B.28; RM135,699,900 untuk Maksud B.29; RM14,000,000,000 untuk Maksud B.30 dan RM10,638,499 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM63,999,990 untuk Maksud P.28 dan RM16,000,000 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 hendak diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM63,999,990 untuk Maksud P.28 dan RM16,000,000 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 1995.

**Maksud B.34 (Jadual)—**

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepada Bekalan B.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas sekarang. Ya, Kuala Nerus.

5.34 ptg.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus):** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat sedikit penjelasan bagi Maksud B.34 iaitu bayaran imbuhan kakitangan awam 1995 sebanyak RM78,163,304 di mana pada waktu ini bayaran kritikal oleh kakitangan hospital iaitu bagi nurse ataupun jururawat telah pun dibayar tetapi mengikut perjanjian yang pernah dibuat, bayaran kritikal kepada Hospital Assistant (HA) sehingga kini belum dibuat dan saya ingin tahu sama ada pihak kementerian bercadang untuk mempertimbangkan perkara ini kerana nature kerja, dengan izin, antara HA dan jururawat adalah lebih kurang sama. Jadi, adalah baik jika kedua-dua bayaran ini dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepong.

5.35 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, dari maksud itu saya bangkitkan mengenai pusat haemodialisis. Peruntukannya sebanyak lebih RM1.5 juta untuk pusat haemodialisis adalah tepat kerana bilangan pesakit yang memerlukan perkhidmatan haemodialisis ini telah bertambah pada setiap tahun ada

beratus pesakit kerana buah pinggang mereka telah rosak dan perlu menerima perkhidmatan yang sedemikian.

Walau bagaimanapun, dengan adanya pusat-pusat sedemikian daripada pihak Kerajaan dan juga daripada pihak swasta, jumlahnya masih tidak dapat menampung keperluan terutamanya kos untuk dialisis ini memang tinggi, tidak banyak yang mampu untuk membeli mesin sendiri untuk menjalankan dialisis dengan baik. Sebab itu, selain daripada kita menggalakkan pihak swasta mengadakan lebih banyak mesin, mengadakan lebih pusat haemodialisis, pihak Kementerian Kesihatan perlulah menimbangkan untuk mengadakan lebih banyak pusat haemodialisis dan lebih banyak mesin dan lebih banyak bantuan kepada pesakit untuk maksud ini.

Memang kosnya beribu-ribu ringgit kadangkala dan kos ini patutlah dengan seboleh-bolehnya dikurangkan untuk setiap pesakit supaya lebih banyak pesakit dapat menerima bantuan untuk dialisis ini. Itulah sahaja.

Tuan Pengerusi, sebelum itu mengenai kanser. Ini baik juga kerana sekarang kita hendak adakan sebuah tempat untuk menangani masalah kanser ini bukan sahaja di kalangan kanak-kanak yang menghidap penyakit kanser termasuk leukemia bahkan dengan umur orang Malaysia yang meningkat puratanya bagi lelaki dan perempuan masing-masing purata hidup sampai 70 dan 73 tahun, ini bermakna rakyat Malaysia hidup dengan lebih tua, bilangan yang menghidap kanser itu memang bertambah dan usaha pihak kerajaan untuk menangani masalah ini dengan peruntukan sedemikian adalah ke arah yang betul.

Saya berharap lebih banyak peruntukan dapat diberi kepada pusat-pusat seperti ini untuk memberi pendidikan mengenai kanser dan pendidikan mengenai bagaimana kita dapat mencegah kanser

dan mendapat rawatan dengan lebih awal kerana kebanyakannya kalau kita mendapatkan rawatan dengan lebih awal, kita boleh menyembuhkan pesakit-pesakit yang mengidap penyakit kanser ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, kementerian yang berkenaan diminta menjawab.

*5.39 ptg.*

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Pengerusi, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus membangkitkan berkenaan dengan elau kritikal yang dibayarkan kepada HA ataupun Pembantu Hospital. Inginlah ditegaskan perkara ini memanglah satu perkara yang diambil perhatian oleh kementerian dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara ini dan perkara ini sebenarnya akan diberi pertimbangan yang serius oleh kementerian oleh kerana kita memang sedar berkenaan dengan khidmat yang diberikan oleh Pembantu Hospital ini.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong iaitu berkenaan dengan kanser. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kerajaan telah memberi sumbangan sebanyak RM20 juta kepada Majlis Kanser Nasional dan Majlis Kanser Nasional ini merupakan sebuah pertubuhan kebajikan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan dan ianya akan ditugaskan untuk projek-projek Makna yang akan melibatkan pembinaan dan pengurusan Institut Makna yang terletak di Kampung Janda Baik, Pahang.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, institut tersebut akan mengandungi kemudahan seperti sebuah

hospital untuk 80 hingga 100 pesakit, sebuah hospital yang menyediakan kemudahan tempat tinggal untuk 150 pesakit dan keluarga mereka yang menerima rawatan pesakit luar, pusat rawatan pesakit luar, pusat dokumentasi, tabung darah dan tabung daftar penderma sum-sum tulang.

Ia juga akan menyediakan tabung bantuan MAKNA untuk membantu mereka yang tidak mampu mambina dana yang teguh untuk membolehkan MAKNA melaksanakan program yang telah disusun. Jumlah peruntukan yang diperlukan untuk melaksanakan pelan tindakan MAKNA dari tahun 1995 hingga 2005 dianggarkan RM150 juta dan peruntukan untuk anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahunan ialah sebanyak RM20 juta.

Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada statistik pada tahun 1993 terdapat 29,295 kes kanser yang dimasukkan ke hospital-hospital kerajaan berbanding dengan 22,000 pada tahun 1986. Jadi, adalah dianggarkan setiap tahun yang akan datang ini seramai 27,000 orang akan diserang oleh penyakit kanser. Jadi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong kerana prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh kementerian dan juga negara.

Berkenaan dengan Pusat haemodialisis yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, Kementerian Kesihatan telah menyediakan kemudahan-kemudahan di 23 buah hospital dan bercadang untuk menambahkan bilangan itu selaras dengan keperluan negara tetapi dianggarkan lebih kurang 5 buah hospital setiap tahun akan ditambah dan 8 buah hospital dirancangan untuk tahun 1997.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kemudahan ini juga, suka kita menjelaskan juga bahawa kerajaan telah memberi sumbangan sebanyak RM1.5 juta kepada Pusat haemodialisis MAWAR di Negeri Sembilan. Unit haemodialisis ditubuhkan

di Hospital Besar Kuala Lumpur pada tahun 1969 dan beberapa unit satelit telah dimulakan perkhidmatannya dari tahun 1984 dan masa ini terdapat 26 unit haemodialisis satelit dengan lebih kurang 542 pesakit yang menjalani rawatan.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan, pada masa ini terdapat 102 mesin haemodialisis dengan bilangan pesakit, misalnya 171 orang. Ini menggambarkan bagaimana tingginya kos untuk melaksanakan tugas ini dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong kerana membangkitkan perkara ini yang jarang-jarang kita ketahui. Dan saya juga ingin menegaskan, misalnya di Grik sendiri tidak ada alat-alat ini dan terpaksa pergi ke Ipoh untuk mendapatkan rawatan ini dan bila kita tanya bukan masalah mesin tetapi yang penting ialah orang yang hendak mengendalikan mesin ini. Jadi, ini pun merupakan satu masalah yang dihadapi oleh kementerian. Jadi, Tuan Pengerusi, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masalah bahawa wang sejumlah RM99,663,304.00 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM99,663,304.00 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.35, 36, 37, 39 dan B.40 (Jadual)**

**Maksud P.35 dan 36 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 4) 1995)**

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Kepala Bekalan B.35, 36, 37, 39 dan 40 dan Kepala Pembangunan P.35

dan 36 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong Karang.

5.45 ptg.

**Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang):** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai B.35 iaitu Kementerian Dalam Negeri butiran 010000 Pentadbiran Keselamatan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah benar Pasukan Petugas Pekerja Asing (PPPA) hanya mempunyai 12 orang kakitangan iaitu 2 orang pegawai eksekutif, 6 pegawai, seorang kerani, seorang jurutaip dan 2 pembantu khas sepertimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarahnya di dalam *Utusan Malaysia* bertarikh 23hb Januari 1996.

Seandainya perkara ini benar amatlah menyedihkan kita kerana bagaimana 12 orang kakitangan ini dapat mengendalikan urusan beribu orang pekerja asing dan juga beratus permohonan dari majikan-majikan yang memerlukan pekerja-pekerja kerana PPPA ini bagi saya bukan sahaja mereka ini hanya sekadar memberikan kebenaran membawa masuk pekerja-pekerja asing, jauh daripada itu sepatutnya PPPA ini seharusnya memainkan peranan sebagai koordinator iaitu penyelaras dengan jabatan-jabatan yang lain untuk memastikan pekerja-pekerja asing dalam negara kita ini terkawal.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, sama ada pihak kementerian telah pun mengadakan peraturan yang mana mewajibkan setiap majikan yang ingin mengambil pekerja-pekerja asing ini diwajibkan menyediakan tempat tinggal bagi pekerja-pekerja dan juga penempatan yang tersusun. Kita percaya seandainya dengan adanya penempatan yang tersusun ini akan memudahkan lagi majikan menguasai pergerakan pekerja-pekerja

mereka dan juga sudah tentu pekerja-pekerja ini tidak mudah untuk mereka lari ke sektor lain dan mungkin kalau perkara ini tidak dapat dikawal, maka terjadilah pekerja-pekerja asing juga mendirikan rumah di tanah-tanah kerajaan secara haram.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan sama ada pihak kementerian bercadang untuk mengetatkan lagi peraturan-peraturan pekerja-pekerja asing untuk datang ataupun masuk ke negara kita. Sebagai contoh, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengenakan syarat hanya mereka yang berkenaan sahaja dibenarkan masuk ke Malaysia. Maksud saya, kalau pekerja ini datang ke Malaysia, hanya mereka yang memohon pekerjaan sahaja dengan tidak membenarkan membawa keluarga ataupun anak-anak mereka.

Begitu juga adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan syarat yang lebih ketat kepada pekerja-pekerja wanita. Adakah pekerja-pekerja wanita yang mengandung juga dibenarkan masuk sebagai pekerja asing? Dan saya ingin mencadangkan juga supaya kawalan ketat kepada pekerja-pekerja asing ini bukan sahaja sekadar menapis mereka yang mengandung tidak dibenarkan masuk ke negara kita tetapi juga kementerian haruslah mengadakan check-up ataupun pemeriksaan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja wanita ini tidak mengandung semasa berada di Malaysia. Kalau 6 bulan ini diadakan check-up doktor dan kita minta mana-mana pekerja-pekerja wanita yang mengandung ini mestilah dihantar pulang kerana ini untuk mengelakkan daripada hospital dan juga sekolah-sekolah rendah di negara kita ini dibanjiri oleh pekerja-pekerja asing.

Saya rasa cadangan ini tidak keterlaluan kerana kalau kita lihat di United Kingdom sendiri seandainya suami (husband) ingin mengikuti isterinya belajar di United



Kingdom, suami tidak dibenarkan masuk ke United Kingdom melainkan mempunyai alasan yang munasabah kerana semasa kita memohon entry clearance daripada British High Commission pelbagai soalan ditanyakan kepada suami yang ingin mengikut isteri. Kalau alasan yang diberikan tidak munasabah, maka suami ini tidak dibenarkan mengikut isteri seandainya isteri itu bekerja dengan kerajaan ataupun belajar di United Kingdom.

Begitu juga di dalam negara kita sendiri. Kita lihat Kementerian Pendidikan sebagai contoh yang mengadakan peraturan di mana guru-guru pelatih yang mengandungi tidak dibenarkan mengikut kursus-kursus di maktab perguruan. Begitu juga wanita yang mengandungi tidak dibenarkan untuk memohon memasuki maktab-maktab perguruan.

Jadi peraturan-peraturan ataupun precedence ini telah pun ada. Maka, kalau ini dapat dilaksanakan, maka kita yakin bahawa kebanyakan anak-anak ataupun ibu-ibu yang mengandungi, khususnya pekerja-pekerja asing ini dapat kita atasi. Kita juga tidak mahu anak-anak pekerja asing yang lahir di Malaysia ini akhirnya nanti mereka akan menuntut pula menjadi warganegara Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian adakah pihak kementerian mempunyai perancangan yang tersusun sehingga bila pekerja-pekerja asing ini dibenarkan memasuki negara kita. Adakah sampai tahun 2000 ataupun sampai tahun 2010? Mesti ada satu time limit yang mana kalau kita tidak rancang, kita khawatir bahawa sampai bila-bila pun, pekerja-pekerja asing ini akan sentiasa berduyun-duyun datang masuk ke negara kita.

Yang keempat, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, apakah benar dakwaan yang menyatakan bahawa dengan tugas PPA

ini mengambil alih tugas yang diberikan kepada agensi-agensi pengambilan pekerja asing, maka telah ada dakwaan yang mengadakan mereka yang mendapat Permanent Resident, ertinya pekerja asing yang mendapat PR di sini, telah mengambil kesempatan dan telah mendapat keuntungan kerana PPA ini mungkin menggunakan mereka yang ada PR ini untuk berhubung terus dengan negara-negara daripada mana mereka berasal.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan bahawa PPA ini mesti dipertingkatkan lagi tugas mereka, kalau boleh, bukan sahaja sebagai unit, tetapi juga menjadikan mereka ini sebagai satu jabatan supaya mereka ini dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha untuk mengawal kedatangan pekerja-pekerja asing.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai Jabatan Imigresen di bawah Maksud B.37, Butiran 020000—Kawalan.

Dalam soal jawapan bertulis yang saya dapat dari pihak Kementerian Dalam Negeri di mana di dalam jawapan bertarikh 17-4-96, saya telah diberitahu bahawa sejak tahun 1992 hingga September 1995, dalam masa 3 tahun, seramai 1,249,189 orang warganegara asing yang telah dikeluarkan pas untuk memasuki negara ini didapati telah tidak keluar dari negara ini dalam tempoh yang ditetapkan.

Ini menunjukkan bahawa bukan sahaja kita menghadapi masalah pekerja-pekerja asing ataupun pendatang-pendatang asing yang datang ke negara kita tanpa melalui peraturan ataupun melalui passport yang sah, tetapi pada hari ini juga kita menghadapi satu juta lebih pendatang-pendatang asing yang masuk secara sah di mana mereka ini sepatutnya meninggalkan negara kita, tetapi sehingga sekarang mereka ini masih berada di dalam negara kita.

Walaupun alasan-alasan yang diberi oleh pihak kementerian dan berbagai-bagai tindakan telah diambil untuk mengawal pemberian pas di pintu-pintu masuk seperti pas akan dikeluarkan kepada *bona fide* visitors sahaja di samping pemeriksaan-pemeriksaan lain yang dibuat, saya ingin bertanya, apakah memadai atau adakah sudah cukup tindakan-tindakan yang dibuat oleh pihak Imigresen ini bagaimana cara tindakan selanjutnya yang ingin kita ambil kepada mereka yang seramai 1 juta yang datang secara sah, tetapi masih tinggal di negara kita?

Saya ingin mencadangkan, kalau boleh, kerajaan hendaklah memperkenalkan satu sistem yang ketat seperti kad putih, di mana sebelum pendarang-pendatang ataupun pelancong-pelancong asing masuk ke negara kita, di atas kapal terbang, diberikan kad putih. Di dalam kad putih itu, saya lihat syaratnya begitu longgar. Alamat yang diminta tidak berapa ketat.

Kalau boleh, di kad putih itu mesti ditulis alamat yang betul di mana mereka hendak tinggal dan kalau boleh, mesti diminta satu nama di mana mereka hendak pergi. Kalau mereka hendak melawat saudara, sudah tentu mereka ada saudara di sini. Mesti diminta nama saudaranya, alamat yang lengkap dan kalau boleh, I/C atau Kad Pengenalan saudaranya juga mesti ditulis di dalam kad putih itu.

Kalau mereka ini datang sebagai pelancong, sebagai contoh, maka ejen pelancongan yang akan mengambil mereka yang akan menguruskan sepanjang mereka melancong di negara kita ini mesti ditulis di sana. Oleh itu sekarang, sekiranya mereka ini tidak kembali ke negara mereka di dalam tempoh yang ditetapkan, maka saya rasa mudah bagi pihak imigresen untuk mencari saudara-saudara mereka ini tadi ataupun agensi-agensi pelancongan yang telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan mereka.

Tuan Pengerusi, saya rasa masalah pekerja asing dan juga pendarang dengan izin, tetapi tidak meninggalkan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan, maka mestilah juga dikategorikan sebagai pendarang-pendatang tanpa izin.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Sebelum perbahasan dilanjutkan, Yang Berhormat, ada satu usul di sini.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.57 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No.2) 1996 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1995 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1996.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi untuk diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No.2) 1996 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1995 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1996.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1995) (No. 2) 1996

DAN

### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.4) 1995

DAN

### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.1) 1996

Jawatankuasa

**Majlis bersidang dalam  
Jawatankuasa**

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Perbahasan disambung semula.*

**Maksud B.35, B.36, B.37, B.39 dan  
B.40 (Jadual)—**

**Maksud P.35 dan P.36 (Anggaran  
Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 1995)—**

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee  
Keat):** Perbahasan tadi dilanjutkan.  
Jelutong.

5.58 *ptg.*

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):**  
Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada  
Maksud P.36, khususnya Butiran 010000  
dan 030000—Penyiasatan Jenayah.

Tuan Pengerusi, nampaknya apa yang  
dipohon oleh Polis Diraja Malaysia adalah  
satu angka yang besar iaitu lebih daripada  
RM200 juta. Adakah Polis Diraja Ma-  
laysia layak untuk memohon angka sebesar  
itu?

Tuan Pengerusi, dalam satu jawapan  
kepada soalan saya pada 19hb. Jun 1995,  
apa yang saya tanya adalah mengenai  
kes-kes pembunuhan yang tidak  
diselesaikan dalam tempoh Januari 1991  
sehingga April 1995.

Menteri Dalam Negeri ada menyatakan  
sebagai jawapan pada masa itu seperti  
berikut:

“Sejak Januari 1991 hingga April 1995,  
bilangan kes pembunuhan yang tidak  
dapat diselesaikan ialah sebanyak 819  
daripada jumlah keseluruhannya kes  
yang dilaporkan iaitu sebanyak 1,708  
kes.”

Tuan Pengerusi, ini bermakna lebih  
daripada 45% kes pembunuhan yang  
dilaporkan dalam tempoh masa ini tidak  
diselesaikan. Adakah Polis Diraja Ma-  
laysia di bawah pimpinan Ketua Polis  
Negara (KPN) yang baru iaitu Tan Sri  
Rahim Nor mendapat inspirasi yang baik  
untuk menjalankan tugas-tugas hariannya  
khususnya untuk mendapat solusi kepada  
kes-kes jenayah yang dilaporkan oleh  
orang awam?

Dalam fikiran saya, imej KPN baru  
ini bukan satu imej, dengan izin, that  
inspires confidence. Kerana imejnya  
adalah sebagai seorang “gangster.”  
Apabila dilihat di dalam kaca televisyen  
atau apabila berjumpa dengan beliau pun,  
bukan sebagai seorang profesional seperti

bekas Ketua Polis Negara iaitu Tun Hanif Omar yang menjalankan tugas dengan sempurna, dengan profesionalisme yang baik. Dan dalam fikiran saya, apa yang harus dibuat bagi KPN baru ini adalah untuk menukar imejnya untuk memberi satu confidence, dengan izin, kepada kakitangannya untuk membuat tugas-tugasnya dengan inspirasi.

Mengenai kes-kes jenayah....

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat diingatkan bahawa perkataan "gangster" tadi itu Yang Berhormat...

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu dalam fikiran saya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Cubalah elakkan penggunaan perkataan semacam itu.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kerana apa yang ditunjukkan wajahnya apabila menyatakan sesuatu dalam fikirannya sebagai seorang gangster. Bukan seperti Tun Hanif Omar. Saya beri perbezaan Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, KPN bukan above the law. Bukan seseorang yang mendapat satu taraf yang teristimewa.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi Yang Berhormat....

**Tuan R. Karpal Singh:** Raja-Raja pun bukan atas daripada undang-undang, boleh dikritik dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat memang berhak membahaskan ini. Tetapi saya rasa sifat Ketua Polis Negara ini tidak ada sangkut paut dengan Butiran yang kita bahaskan sekarang ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada. Ada. Dia jadi ketua kepada Polis DiRaja Malaysia.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Bukan sifatnya Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Semua. Bukan sifat sahaja. Semua aspek. Dia jadi ketua, Tuan Pengerusi.

Saya balik kepada tajuk. Bagi kes-kes yang tidak diselesaikan dalam tempoh lima tahun ini lebih kurang 45%; dan bagi Polis DiRaja Malaysia, bukan sekarang sahaja, kebelakangan juga Tuan Pengerusi. Pembunuhan Ketua Polis Negara, Dato' Abdul Rahman jikalau saya tidak silap namanya, tahun 1974 telah dibunuh "in broad daylight", dekat pejabat saya, dekat Menara Maybank. Tetapi sehingga hari ini tidak ada sesiapa pun yang didakwa sebagai yang bertanggungjawab membunuh. Apa yang saya cadangkan kepada Polis DiRaja Malaysia khususnya kepada ketuanya adalah untuk menjalankan tugas-tugas dengan baik untuk menentukan kes-kes yang serius dan kes pembunuhan adalah kes-kes yang maha serius supaya diselesaikan dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, saya juga merujuk kepada Maksud B.40—Jabatan Penjara khususnya keselamatan. Bagi tajuk ini saya ada membangkitkan kerap kali khususnya mengenai banduan-banduan yang ditahan di penjara-penjara dalam negara ini yang menjalani penjara seumur hayat. Pada satu soalan yang saya tanya pada 12hb. Mei 1993 adalah mengenai angka banduan-banduan seperti itu dan khususnya adakah kerajaan bersedia untuk menghapuskan hukuman penjara seumur hayat dan ini adalah jawapan daripada Menteri Dalam Negeri masa itu:

"Sekarang ini terdapat seramai 97 orang banduan yang sedang menjalani hukuman penjara seumur hidup di penjara-penjara di seluruh negara. Hukuman yang dijatuhkan terhadap mereka adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Senjatapi 1960 dan Akta Senjatapi (Penalti Lebih

Berat) 1971. Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji hukuman-hukuman di bawah undang-undang tersebut.”

Dalam Dewan yang mulia ini, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Megat Junid bin Megat Ayob ada memberi satu jaminan bahawa kajian akan dibuat, semak semula sama ada the natural life sentence, dengan izin, sesuatu sentence yang unjust and cruel harus dihapuskan. Tetapi sehingga hari ini, walaupun di dalam Dewan yang mulia ini saya ada sekali lagi menanya pada 2hb. April 1996, soalan yang lebih kurang sama, jawapannya adalah seperti berikut:-

“Jumlah banduan yang dikenakan hukuman penjara seumur hayat di bawah Akta Senjatapi (Penalti Diperingkatkan) 1971 yang terdapat di penjara-penjara di seluruh negara pada 22hb. Mac 1996 ialah seramai 77 orang. Pihak kerajaan sentiasa mengkaji setiap undang-undang yang ada dari masa ke semasa.”

Itu kami tahu. Tetapi adakah langkah-langkah yang positif diambil untuk mengubah apa yang ada sekarang iaitu hukuman mati, hukuman yang bukan penjara 20 tahun Tuan Pengerusi, tetapi penjara seumur hayat, until the end of one's natural life? Saya merayu kepada Kementerian Dalam Negeri untuk menunaikan apa yang diberi sebagai jaminan dalam Dewan yang mulia ini, bukan hari ini sahaja tetapi tiga tahun kebelakangan, 1993 sehingga hari ini—tiga tahun tetapi tidak dapat apa-apa balasan daripada Menteri atau Timbalan-timbalan Menteri mengenai perkara yang serius seperti ini.

Saya harap saya boleh dapat jawapan daripada Timbalan Menteri yang ada dalam Dewan yang mulia ini hari ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Tuan, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

6.09 ptg.

**Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran):** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingin menyentuh tentang Maksud B.35—Kementerian Dalam Negeri dan saya ingin penjelasan daripada kementerian tentang status dua penempatan orang-orang Filipina atau refugees (UNCR) di Sabah iaitu satu di Kinarut dan satu lagi di Telipok.

Yang menjadi persoalan di sini, Tuan Pengerusi, ialah kebanyakan daripada mereka ini, walaupun tempat mereka ini, adalah di bawah tanggungan United Nation, tetapi hampir kesemua mereka yang tinggal di situ sudah memperoleh kad pengenalan dan sudah mendaftar sebagai pengundi. Jadi, yang paling anih lagi ialah Special Task Force yang ditubuhkan untuk menangani masalah pendatang tanpa izin ini terlibat secara langsung mengajar mereka tatacara kehidupan dalam negara ini, dan bagaimana untuk menjadi seorang pemimpin, mungkin pemimpin parti-parti politik di dalam negara kita ini.

Saya ingin mendapat penjelasan mengapa perkara ini boleh berlaku dan apakah statusnya skim penempatan UNCR di Sabah ini? Apakah tindakan kerajaan terhadap mereka. Seharusnya mereka ini dikawal, tetapi mereka bukan sahaja berkeliaran bahkan sudah mendapat citizenship dengan memiliki kad pengenalan. Mereka juga didaftar sebagai pengundi dan diketahui oleh SPR bahawa alamat yang mereka beri bila memohon untuk mendaftar ada di penempatan ini.

Satu perkara yang sangat menyedihkan di Sabah, Tuan Pengerusi, ialah kaum bumiputera, kini bilangannya sudah dilebihi oleh pendatang asing. Misalnya, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik pada 17hb. April yang lalu keseluruhan penduduk di Sabah adalah sebanyak 2,039,600 orang, pendatang asing ialah 539,600 orang dan yang

terbanyak di situ ialah kaum Kadazan Dusun yang bilangannya hanya 300,000 orang lebih, kaum Melayu hanya 200,000 lebih. Pendatang asing sudah dua kali lebih banyak, kenapa ini boleh berlaku?

Satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, ialah tentang penglibatan mereka di dalam tataran pilihan raya ini. Kenapa pula Kementerian Dalam Negeri membiarkan perkara ini berleluasa? Saya memberi pandangan ini hanya semata-mata kita cintakan negara kita, kita tidak mahu mereka satu hari nanti akan mengambil alih negara kita ini.

Saya kurang yakin dengan jawapan-jawapan yang diberi dan kita tidak mahu perkara ini akan berterusan. Saya sungguh .....I am very touched by Tanjong Karang mengenai cadangannya. Kita mesti mempunyai specific target untuk menghentikan semua ini. Kalau kita kata, kita berusaha sahaja, sampai bila kita boleh berusaha, tidak ada concrete effort untuk menghapuskan kehadiran pendatang asing di negara kita ini.

Saya ingin juga bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri, adakah benar bahawa bekas Pengarah Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah telah dibunuh? Tidak ada orang yang tahu. Ini ada kemungkinan dikaitkan dengan pengeluaran kad pengenalan palsu di negeri Sabah. Kalau dia tidak dibunuh, saya ingin tahu di mana dia sekarang? Ini adalah perbuatan yang sangat merbahaya.

Satu lagi yang sangat mengerikan ialah tentang kehadiran orang Moro di Sabah, sekarang beliau sedang dipenjara, tetapi isterinya 3 orang dan anaknya 24 orang masih berada di Sabah. Kenapa masih ada di negeri Sabah? Mahukah Kerajaan Malaysia satu hari nanti negeri Sabah akan menjadi Labenon kerana melindungi orang yang menentang kerajaan? Kita bersimpati dengan masalah mereka, tetapi jangan kita persendakan kedaulatan negara kita semata-mata hanya kita mahu bersimpati kepada orang lain.

Kita lindungi negara kita sendiri dahulu baru kita boleh bersimpati kepada orang lain. Apa akan terjadi kalau Kerajaan Filipina bertindak terhadap mereka ini, bolehkah kita melindungi negeri Sabah, mana yang baik? Kita cuba mencari jalan untuk menyelesaikan masalah mereka di peringkat antarabangsa, tetapi jangan kita persendakan negara kita. Yang paling aneh lagi di sini ialah dia diberi wang oleh wakil kerajaan sebanyak RM2,000 di dalam tahun 1992 dan senjata yang dirampas itu dikembalikan kepadanya, diberi lagi peluru sebanyak 2,000 biji oleh wakil kerajaan. Ini adalah kenyataan di dalam mahkamah, kenapa perkara ini boleh berlaku?

Sekarang ini pihak polis sedang menyasat tentang senjata api di Sabah, mahukan semua senjata api yang dimiliki oleh rakyat Malaysia dikembalikan walaupun mempunyai lesen? Tetapi bagaimana dengan rakyat asing yang memiliki senjata api sesuka hati, mereka bawa masuk ke negeri Sabah? Kenapa pihak Ketua Polis Negara tidak mahu meminta mereka supaya menyerahkan senjata mereka? Ini sangat menakutkan rakyat Sabah, seolah-olah ada udang di sebalik batu. Rakyat sendiri diminta menyerahkan senjata, tetapi rakyat asing tidak diminta untuk menyerahkan senjata. Ini kita perlu penjelasan, apakah motive behind dia daripada Yang Berbahagia Tan Sri KPN?

Saya juga ingin menyentuh mengenai keselamatan dalam negeri, Tuan Pengerusi. Pada bulan lepas kita diserang oleh lanun di Semporna sebanyak dua kali di dalam tempoh yang singkat. Kemudian satu kejadian di Kem Tentera di Lok Kawi, hampir-hampir musnah, ada bom dibawa ke situ meletup.... (Ketawa)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Meletup, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** "Meletup" di hadapan kem tentera, nasib baik tidak ada sesuatu yang berlaku. Kalau

teks yang membawa bom itu merempuh ke dalam kem, saya yakin bukan sahaja harta dan senjata tentera akan rosak, tetapi mungkin ada yang terkorban. Ini semua menunjukkan bahawa keadaan di Sabah ini tidak semuanya terkawal dan pihak Kementerian Dalam Negeri haruslah mengambil tindakan yang konkrit dalam menangani hal ini. Jangan biarkan sampai tidak boleh terkawal baru kita bertindak.

Pada minggu yang lalu, walaupun tidak diheboh-hebohkan, saya tidak tahu mengapa, tetapi satu lagi kejadian rompakan lanun berlaku di Kota Belud, tempat Ketua Menteri Sabah sendiri. Penduduk di situ tidak merasa selesa terutama kaum nelayan, jadi saya fikir sudah sampai masanya bagi kementerian ataupun kerajaan untuk mengambil langkah-langkah konkrit untuk menangani masalah di negeri Sabah ini.

Saya minta dua perkara khusus, iaitu tentang pemalsuan kad pengenalan. Walaupun kementerian kata kerajaan tidak terlibat. Tetapi kita ada bukti, di mana seorang Ketua Pendaftaran di Tawau telah dibicara di dalam mahkamah. Dia mengaku bahawa dia telah menjual kad pengenalan palsu yang dibuat di dalam jamban di rumahnya. Dia telah memperolehi tidak kurang daripada RM80,000 hasil daripada jualan kad pengenalan palsu.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya akan gulung, Tuan Pengerusi. Ini timbul oleh kerana ramainya rakyat asing. Demikian juga tentang pendaftaran rakyat asing ke dalam daftar pengundi. Memang ada orang yang mahu mengambil kesempatan. Semuanya ini adalah sebab tamakkan wang dan tamakan kuasa. Jadi, saya fikir pihak kerajaan haruslah mengambil iktibar daripada laporan-laporan yang kita sampaikan ini. Kita bukan menimbulkan ini oleh kerana kita bencikan ataupun tidak senang dengan

sesiapa. Kita menyampaikan ini sebagai sumbangan kita ke arah menstabilkan kedaulatan negara kita. Itulah sahaja sumbangan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Menteri minta jawab.

6.22 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam membincangkan mengenai belanjawan tambahan yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri dan telah pun memberikan banyak teguran dan cadangan. Ada yang membina, ada yang mungkin salah faham dan sebagainya. Saya cuba seboleh-bolehnya menjawab beberapa perkara.

Sebenarnya perbelanjaan tambahan yang kita minta ini, kalau kita tengok sama ada polis ataupun jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri, kebanyakan wang itu hanya merupakan tambahan untuk bonus dan juga penyelarasan gaji bagi kakitangan seperti polis, mereka memang layak mendapat bonus. Tidak timbul soal sama ada layak atau tidak layak; kalau semua orang lain dapat bonus, mereka sekadar dapat bonus bukan kerana atas sebab cekap atau tak cekapnya. Mereka secara wajarnya dapat gaji dan bonus yang asasnya.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah menyentuh beberapa perkara tentang pasukan petugas khas pekerja asing. Ingin saya maklumkan bahawa adalah pada masa kini, PPPA ini telah pun dapat jauh lebih maju, atau ada kemajuan dari segi keberkesanan operasi pejabatnya. Tidak benar mereka mempunyai hanya 15 orang. Memang pada awalnya mereka ada masalah kakitangan, kerana ini merupakan satu agensi yang baru ditubuh.

Pada Januari tahun ini sahaja agensi ini diberi status agensi 'one stop' untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pekerja asing, dan telah diiktiraf oleh kerajaan. Oleh sebab itu, PPPA ini telah pun dapat diluluskan ke jawatan sebanyak 223. Sekarang dalam masa proses pengambilan untuk mengisinya. Masalah yang dahulu itu telah pun dapat diatasi berperingkat. Pada masa kini, PPPA telah jauh lebih berkesan dari dahulu. Kelulusan pekerja asing yang layak itu telah pun dijalankan lebih lancar. Piagam kerja telah ditetapkan, di mana sesuatu permohonan kalau lengkap diterima oleh PPPA, mereka perlu adakan keputusan dalam dua bulan, dan tidak boleh lewat.

Begitu juga mereka akan wujudkan pejabat-pejabat cawangan di setiap negeri. Pada masa ini ada dibantu oleh Jabatan Imigresen, pada masa ini juga permohonan pembantu rumah dibantu oleh Imigresen. Ada sebahagian kakitangan Jabatan Imigresen sedang membantu kerja urusan PPPA. Memang peraturan untuk mengambil pekerja asing telah pun diperketatkan. Antara lain, majikan ini terlebih dahulu kena meyakinkan PPPA sebagaimana mereka akan bekalkan tempat kediaman, sebagaimana mereka akan mengendalikan, mengawasi gerak-geri pekerja-pekerja asing, dan pekerja-pekerja asing itu semuanya mesti terlebih dahulu diperiksa daripada negara sumber dan mendapat kelulusan daripada Malaysia sebelum mereka boleh dibawa masuk. Salah satu syarat ialah mereka tidak boleh mempunyai penyakit-berjangkit, ataupun mereka sudah mengandung pun, tak boleh. Kalau mengandung, itu melanggar syarat.

Pas pekerja ataupun permit pekerja itu perlu dibaharui dari setahun ke setahun. Dalam setiap tahun, apabila pembaharuan, mereka perlu adakan pemeriksaan perubahan sekali lagi. Kalau sekiranya nampaknya mereka ini mengandung ataupun dapat penyakit-berjangkit, mereka terus tidak layak dan perlu pulang ke negara asal. Mungkin Yang Berhormat dari Tanjong Karang.....

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia bangun.

**Tuan Ong Ka Ting:** .....lebih apa yang dikhuatir itu, pertamanya pendatang tanpa izin atau pekerja tanpa izin, mereka yang sebelum dapat pas kerja, oleh kerana pada satu ketika ada sindiket-sindiket bawa mereka masuk. Ada agen-agen yang tidak bertanggungjawab telah membekalkan pekerja-pekerja asing kepada majikan-majikan secara teratur, secara tidak sah, mungkin kategori itulah kita dapat mereka yang telah mengandung dan sebagainya. Tetapi macam manapun, penguatkuasaan undang-undang tetap akan dijalankan.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya minta sedikit penjelasan mengenai untuk mendapatkan permohonan apabila tamat tempohnya dalam masa satu tahun. Saya bertanya mengenai pekerja wanita. Seorang perempuan mengandung sembilan bulan. Jadi, kalau dia mengandung sembilan bulan, kalau permohonan untuk pembaharuan permit ini satu tahun, mungkin semasa dia memohon pembaharuan dia sudah lepas mengandung. Dia sudah lepas bersalin. Jadi, yang saya cadangkan tadi sekurang-kurangnya sembilan bulan ataupun enam bulan. Itu yang saya cadangkan tadi.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau mereka yang betul-betul mematuhi syarat daripada apa yang dapat kita nampak dalam rekod dan betul-betul sah, mereka yang membaharui setahun ke setahun, kurang sekali masalah mengandung ini. Cuma mereka yang tidak datang untuk membaharui dan tidak ikut peraturan kita. Macam mana kita ketat pun, kalau ada pihak-pihak yang hendak melanggar syarat itu, ia memang boleh berlaku. Kalau kita terlalu menyusahkan pekerja-pekerja asing ini setiap enam bulan dia terpaksa pergi buat pemeriksaan dan untuk berbelanja lebih, mungkin itu akan jadi satu beban tambahan kepada mereka.



Walau macam mana pun, masalah ini kita akan beri perhatian dari semasa ke semasa. Adalah tidak benar kerajaan atau PPPA membenarkan orang daripada luar negeri berstatus Permanent Resident untuk menjadi wakil ataupun pergi ke negara sumber untuk menguruskan segala-galanya. Sebenarnya PPPA ini hanya melayan majikan ataupun kakitangan majikan, pengurus personnel majikan dan sebagainya. Tidak ada orang pertengahan sepatutnya boleh mendapat layaran. Tetapi kerajaan juga sedar ada orang-orang atau pihak-pihak tertentu telah pun mereka sendiri telah cuba menipu atau memberitahu kepada umum bahawa mereka itu merupakan satu-satunya wakil PPPA, ini merupakan satu tipu-helah. Saya rasa kalau tujuannya pihak berkuasa tahu maklumat mereka ini, kita tetap akan siasat dan mengambil tindakan. Dan juga perancangan yang tersusun memang ada.

Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri, yang telah pun secara bersepadu dengan kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan sebagainya dari semasa ke semasa ada mesyuarat untuk menentukan apakah kita punyai keadaan pekerja asing di negara ini dari segi keperluan ekonomi, dari segi masalah keselamatan, dari segi sosial, dan dari aspek-aspek yang lain.

Pada masa kini, dasar kerajaan ialah kita hanya membenarkan pengambilan pekerja asing itu mengikut peraturan-peraturan yang agak ketat di sektor-sektor yang berkenaan dan pada masa yang sama ini bukan satu dasar untuk membenarkan majikan mengambil pekerja itu selama-lamanya. Itu sebabnya saya telah kata, pada kebiasaannya, masa maksimum pekerja-pekerja asing itu dibenarkan berada di negara ini hanya 5 tahun dan itu

pun tidak diberikan pas kerja sekali gus, mereka perlu membaharui dari setahun ke setahun. Apabila kerajaan merasakan sesuatu sektor itu atau sesuatu majikan itu sudah tidak perlu lagi pekerja asing, maka di situlah kita berhentikan pembaharuan permit kerja.

Begitu juga projek-projek pelaburan yang dibenarkan, pada dasarnya juga kita tidak lagi membenarkan pelaburan-pelaburan yang berlabel intensif di negara kita dan kita cuba hendak menempatkan mereka itu di tempat-tempat yang strategik di negara-negara jiran ataupun di tempat-tempat yang lebih senang dapat pekerja tempatan. Daripada itu, dalam tempoh 3 tahun, Yang Berhormat sekarang ramai orang asing telah masuk dan tidak keluar—memang benar dan ini bukan satu perkara yang hanya dihadapi oleh Malaysia, semua negara ada masalah ini di mana pelawat-pelawat sosial, pelancong ataupun orang-orang 'sosial visitor' dia masuk secara sah tetapi dia tinggal lebih daripada masa yang dibenarkan dalam visanya. Serupa juga dengan orang Malaysia yang pergi ke negara orang lain dan tinggal lebih masa. Pada suatu ketika negara Jepun dan Taiwan mengusir semua balik dan ramai orang Malaysia tinggal lebih masa di sana.

Ini satu fenomena yang menunjukkan suka atau tidak suka, negara kita dalam beberapa tahun ini memang menarik ramai orang datang dan ada pula orang yang tinggal lebih masa kerana negara ini sangat menarik bagi mereka dari segi ekonomi ataupun sebab-sebab yang lain, tetapi pihak Imigresen memang berwaspada dan berusaha untuk mengawasi masalah ini. Walau macam mana pun kita hanya boleh kurangkan, kita tidak dapat hapuskan sama sekali masalah ini dan mereka yang tinggal lebih masa itu tetap sudah melanggar peraturan Imigresen dan boleh dikenakan tindakan undang-undang bila-bila masa. Dari segi kad-kad itu, selalunya, walau macam mana kita isi dengan detail pun, dengan rujukan

orang dan sebagainya, tetapi kalau orang sengaja hendak tinggal lebih masa dia tetap akan tinggal lebih masa.

Walau macam mana pun ada satu cadangan yang baik di mana kad itu mungkin memberikan maklumat yang lebih, tetapi adapula kadangkala kompelin dari pelancongan yang mengatakan masuk ke negara orang lain senang, masuk ke negara kita banyak sangat 'red tape' - ini semua masalah yang kita kena ambil kira tetapi kita tidak akan mengkompromikan keselamatan negara kita.

Oleh kerana ini merupakan satu perbincangan di peringkat Committee Stage, ada banyak perkara dasar yang sepatutnya saya tidak boleh ambil masa panjang sangat.

Seterusnya saya hendak memberikan jawapan kepada soalan Yang Berhormat dari Jelutong. Saya telah kata tadi semua anggota Polis Di-Raja Malaysia tetap layak untuk mendapat bonus, tidak ada orang yang akan mempertikaikannya, tetapi kalau kata, keberkesanan mereka ini dalam menyiasat dan dapat menyelesaikan kes-kes jenayah, adalah tidak adil kalau kita kata "oh, oleh kerana ada banyak masalah kes jenayah yang tidak boleh diselesai, maka mereka tidak boleh minta peruntukan tambahan". Kalau sekiranya keberkesanan itu terjejas, maka kita perlu lebih lagi peruntukan kerana peruntukan itu boleh membaiki keberkesanan, boleh membantu pihak Polis DiRaja untuk mengadakan sama ada ganjaran atau satu tarikan atau satu insentif dan sebagainya supaya mereka lebih bermotivasi. Selalunya mereka dibandingkan dengan pekerja-pekerja swasta yang mendapat gaji lebih tinggi, kalau mereka ini di 'moralise' di samping mahukan dia kerja kuat dan berkesan, di samping kata wang itu tidak layak diberi, saya rasa itu tidak adil.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh ada satu aspek yang kita harus ingat iaitu negara kita Malaysia dalam

beberapa tahun ini, oleh kerana pembangunan yang pesat, oleh kerana Malaysia ini sudah menjadi negara tumpuan, banyak kegiatan, sama ada kegiatan ekonomi, sukan, sosial, kebudayaan dan sebagainya ataupun pelancongan, ini tentulah akan menjadi beban kepada kerajaan dalam menguruskan masalah keselamatan sosial dan sebagainya dan begitu juga beban polis adalah bertambah dengan banyak dan berlipatganda.

Kalau kita kata keberkesanan itu tidak baik, mungkin kita tengok kegiatan itu sudah banyak kali 'many for', dengan izin, untuk menyelesaikan kes itu memang ada masalah dan ada kesusahan untuk mengatasi segala-galanya, tetapi setahu saya, Ketua Polis Negara hari ini-beliau bukan baru lagi sudah dilantik untuk satu tempoh, dan saya rasa kalau kita tengok dia punya cara dan perangai, tidak adil kalau kita buat teguran yang negatif. Beliaulah orang yang membanteraskan jenayah dan beliaulah orang yang menangkap gangster dan sebagainya. Kita pula kata dia "looks like a gangster"-itu tidak adil, satu remark yang very un-called for. Setahu saya dan saya rasa KPN ini merupakan seorang yang tegas, seorang yang no-nonsense, dia tidak akan tolerate, tidak akan sabar dan tidak akan membenarkan masalah-masalah disiplin, rasuah ataupun mereka yang mengabaikan tugas.

Saya pun secara peribadi tahu sangat beliau punya determination, dia memang hendak menjadikan imej polis itu baik, tetapi kadangkala caranya itu yang tegas, dia mahu cepat dan betul, kadang-kadang dia cakap pun sudah begitu yakin dan tegas, sampai kita pula, terutamanya Yang Berhormat Jelutong, mungkin tidak berapa faham dengan perangai KPN. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Ketua Polis Negara hari ini adalah seorang yang benar-benar mahu menjadi pasukan Polis Diraja Malaysia ini satu pasukan yang

profesional, mempunyai imej yang positif dan beliau, dari segi ketelusan (transparency) merupakan seorang yang selalunya, pada awal-awal lagi akan memberitahu masalah—dia tidak tertutup.

Seperti baru-baru ini masalah di Sabah, beliaulah orang pertama, sebelum siasatan dimulakan sudah kata, ada masalahnya—itu menunjukkan ketelusan, kalau beliau seorang yang, apa yang sebenarnya berlaku beliau tidak mahu beri tahu, dia boleh tutup, tidak mahu cakap. Orang semua tidak akan tahu, mungkin sampai satu hari seperti Yang Berhormat dari Tuaran kata Sabah sudah tidak selamat lagi, mungkin bila-bila akan diserang oleh musuh dan masuk ke dalam tangan musuh, tetapi hari ini KPN, awal-awal beritahu, dengan cepat beliau telah siasat dan saya yakin tindakan-tindakannya semua adalah ikhlas, jujur dan tidak ada sebarang niat hendak mengabaikan tugas ataupun dari segi keberkesanan, tidak ada sesuatu yang boleh menghilangkan keyakinan orang ramai.

Tuan Pengerusi, saya serulah kepada semua pihak termasuk pembangkang, berilah keyakinan dan sama-samalah memelihara keyakinan, terutamanya keyakinan orang luar terhadap negara kita. Jangan terlalu negatif. Kalau kita sendiri tidak yakin kepada kerajaan sendiri atau tidak yakin kepada pihak polis sendiri, macam mana pula kita boleh panggil orang luar untuk datang melabur, panggil pelancong datang di sini ramai-ramai, tetapi saya akur dan saya akui ada kelemahan-kelemahan yang tidak disengajakan dan kita perlu bekerjasama antara kerajaan dan rakyat untuk mengatasinya.

Masalah yang dikatakan dipenjara seumur hayat ini, memang ada kajian dijalankan tetapi setakat ini kerajaan merasakan belum sesuai masanya untuk kita menghapuskan hukuman seumur hayat ini, tetapi pada masa yang sesuai akan menimbnag sekali lagi sama ada masa itu sudah sampai ataupun belum.

Kalau kita lihat hari ini, orang sudah berleluasa, sudah begitu berani untuk memiliki senjata secara tidak sah dan senjata itu adalah untuk membunuh, senjata itu untuk mengugatkan keamanan, kestabilan dan keselamatan, maka kita bandingkan dari segi kepentingan negara, kalau tidak ada undang-undang pencegahan atau undang-undang yang boleh memberi deterrent, dengan izin, maka kita akan menghadapi masalah yang jauh lebih besar daripada sama ada 70 lebih atau 90 lebih orang. Walau bagaimanapun, kerajaan sanggup mengkaji undang-undang apa jenis pun dari semasa ke semasa keperluan semasa.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Tuaran telah banyak membangkitkan hal-hal di Sabah, ada sebahagian daripadanya mungkin lebih elok dicari forum yang bersesuaian dan kita berbincang dengan pihak berkuasa pasukan petugas persekutuan, tetapi ada dakwaan-dakwaan yang saya tidak berapa bersetuju.

Setahu saya, Kementerian Dalam Negeri tidak sewenang-wenangnya memberikan dan meluluskan kerakyatan ataupun Permanent Resident kepada sesiapa tak kira dia daripada negara mana dan kalau sekiranya ada di antara mereka ini telah mendapat kerakyatan dari segi kad pengenalan yang dikeluarkan di sini tidak teratur, kita tidak boleh katakan itu adalah satu niat daripada kerajaan dan memang kerajaan ikhlas berhasrat hendak menghapuskan sindiket-sindiket ini, kalau tidak mengapa kita hendak menggunakan ISA, menangkap begitu ramai orang di Sabah termasuk di Semenanjung. Hari ini kita ada 127 tahanan ISA di Kem Kemunting dan semua mereka ini 100% tahanan ini adalah orang-orang ini yang melibatkan diri dalam mengeluarkan kad-kad pengenalan, passport, sijil kelahiran dan dokumen-dokumen kerajaan yang lain.

Dalam Kem Kemunting hari ini tidak ada seorang tahanan pun yang ditahan kerana kesalahan yang lain selain daripada

pemalsuan dokumen dan ini menunjukkan satu kejujuran kerajaan dan kita harap kita akan dapat mengatasi masalah ini tidak kira di Sabah atau di Semenanjung.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sipitang bangun.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit, sejak kita tukar IC berciri baru ini atau kad pengenalan bercorak baru ini, adakah pemalsuan atau pengeluaran kad pengenalan palsu ciri baru di Sabah yang dilaporkan dan apakah rancangan kerajaan untuk meneruskan ataupun mengeluarkan ciri baru yang lain untuk ciri-ciri keselamatan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, setakat ini kebanyakan kad pengenalan yang palsu yang kita dapati itu adalah kad pengenalan berbentuk plastik yang lama, ada juga kad-kad pengenalan yang rupanya macam kad pengenalan bermutu tinggi (KPT) tetapi kalau kita lihat secara berhati-hati, ia bukan dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, mereka telah cuba mengadakan kad-kad yang dari jauh nampak macam 'genuine' bila kita lihat dari dekat, ia bukan kad pengenalan yang bermutu tinggi.

Ciri-ciri keselamatan ini bukan sesuatu yang kita lihat daripada mata sahaja, sebab ia ada computer bar code apabila jabatan kerajaan telah fully computerised kebanyakan jabatan-jabatan, kad pengenalan itu boleh dibaca oleh komputer dan dalam screen komputer boleh dilihat gambar thumb print, dan sebagainya.

Setakat ini, kad-kad ini masih dikira kad yang susah untuk dipalsukan tetapi pada masa-masa yang akan datang, kerajaan mungkin menimbang untuk memperbaiki lagi kualiti kad ini tetapi bukan sekarang, kita hendak lengkapkan

exercise ini menjelang penghujung tahun ini apabila masa tibanya kita mungkin recycle kad ini dengan kad yang lebih advanced, bukan bermakna kad ini tidak baik tetapi kita tahu zaman teknologi canggih ini macam-macam boleh berlaku dan kita sentiasa mesti boleh mengadakan prevention, dengan izin, untuk menghadapi cabaran-cabaran pada masa yang akan datang.

Saya di sini ingin memberi jaminan tetapi Ahli Yang Berhormat dari Tuaran, kadangkala kena ada seperti yang saya katakan tadi, kena ada keyakinan terhadap kerajaan, kalau kurang yakin mengapa mahu bertanya banyak-banyak? Kalau tak yakin dengan jawapan, sudah dijawab dikata tak yakin, kalau macam itu susahlah! Tak payahlah tanya banyak-banyak, apa yang saya cakapkan bukan yakin! Elok kalau mahu dengar jawapan saya, kena ada keyakinan, baru saya boleh jawab.

Tuan Pengerusi,...

**Tuan Yunof Edward Marinking:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, nampak dia bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Ong Ka Ting:** Ya, sekali bolehlah.

**Tuan Yunof Edward Marinking:** Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar bahawa bila kita mengemukakan beberapa masalah, kita dikatakan tidak jujur dan tidak ada bukti, sedangkan kita ada menghantar bukti dan kita telah juga memberi beberapa insiden di mana kita sendiri tahu perkara itu berlaku dan kita telah laporkan kepada pihak yang berkuasa tetapi tidak ada tindak balas daripada pihak-pihak yang berkuasa. Jadi, itulah yang membuat kita kurang yakin, kita bukan sahaja tidak yakin dengan

jawapan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi juga tindak balas oleh pihak-pihak yang berkuasa.

Misal kata, saya ambil contoh....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dalam perkara ini kita minta penejelasan bukan kita memberi penjelasan, Yang Berhormat!

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Pengerusi, saya ambil contoh dahulu, baru saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya minta penjelasan daripada Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah beberapa senarai nombor kad pengenalan, adakah kad pengenalan ini betul atau tidak? Tidak ada jawapan langsung dan kita tanya di dalam Parlimen pun, demikian juga jawapannya, dia kata, kalau diberi senarai semua atau dipaparkan di newspaper senarai kad pengenalan yang disyaki maka dia kata, akan menjejaskan penyiasatan.

Jadi, inilah di mana kita kurang yakin, oleh kerana seolah-olah tidak ada keikhlasan untuk memberi penjelasan yang sewajarnya. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar bahawa ini boleh menimbulkan perasaan yang tidak yakin dan saya harap jangan Yang Berhormat salah sangka, kita mengharapkan tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, seperti yang telah saya katakan tadi, kerajaan memang ikhlas, apa-apa yang kita buat itu, kita mahu hasilnya. Kalau saya hendak yakinkan Ahli Yang Berhormat hari, saya beritahu segala-galanya yang dalam siasatan, Ahli Yang Berhormat kata, "Oh! Ini saya tanya perkara ini saya suka hati." Tetapi selepas itu, dia punya culprit semua sudah lari.

Saya sendiri pernah memberi satu maklumat seperti Ahli Yang Berhormat sendiri dapati, saya dapat aduan daripada Sabah yang mengatakan, kad-kad pengenalan ini palsu ataupun tidak dan saya beri kepada pihak-pihak yang berkuasa, saya tak mahu kata siapa. Dalam dua tahun dahulu, siasatan menunjukkan di tahun lepas kita menangkap orang culprit, maknanya kita memerlukan masa.

Kalau masa itu saya terus mengarahkan penguatkuasa memberitahu saya apa berlaku di sini, saya cepat-cepat umumkan, saya rasa orang yang benar-benar bersalah itu sudah tutup semua bukti, dia tidak mahu cerita apa-apa lagi, kita hendak menangkap mereka yang bertanggungjawab pun susah. Hari ini kita menjalankan Operasi ISA di Sabah merupakan satu operasi yang sangat berjaya.

Kita tangkap tidak kira sama ada latar belakang politik, tidak kira, kita tangkap! Walaupun daripada parti pemerintah kita tangkap juga. Jabatan Pendaftaran Negara, kita tangkap! juga kakitangan kerajaan yang lain. Kalau ini bukan keikhlasan, apa? Kalau tidak ada keikhlasan, tidak payah tangkap, kita tutup semua, kita tidak ada masalah! Semua suka hati dan beres, just a cover up, dengan izin.

Saya bukan hendak salah sangka, kadang-kala kita susah payah hendak rancangkan sesuatu, hendak cuba menyakinkan negara...

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya minta Yang Berhormat sedikit penjelasan tentang langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Persekutuan khususnya berhubung kait dengan pendatang asing ini, khususnya berhubung kait dengan keikhlasan kita. Bersabit dengan kawasan saya di Bahagian

Semporna, bila mana Kerajaan Persekutuan menerusi pihak yang berwajib mengambil tindakan langkah-langkah untuk menghantar balik para pendatang asing, ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab khususnya pihak pembangkang di kawasan saya sendiri, satu di kawasan ADUN Selambayan yang satu di kawasan DUN Badong, pihak Presiden Parti Pembangkang, PBS telah datang di kawasan saya dan juga menyatakan pembelaan mereka. Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah yang tidak wajar terhadap pihak-pihak pendatang asing ini untuk menghantar kembali. Seakan-akan bahawa pihak pembangkang ini membela pula bila mana kerajaan mengambil tindakan yang cukup tegas. Saya minta penjelasan sama ada pihak kementerian sedar tentang perkara ini?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana telah bantu saya untuk memperjelaskan lagi gambaran ini kepada Dewan. Sebenarnya inilah merupakan contoh-contoh yang kadangkala pembangkang kata kita tidak ikhlas, bila kita buat sesuatu dia tegur pula, bangkitkan pula daripada aspek lain. Saya memang setuju dengan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kadangkala pembangkang ini dia hanya hendak tidak mahu setuju sahaja.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
(Bangun)

**Tuan Ong Ka Ting:** Masa sudah suntuk bagi saya bereskan. Dia nak Tegur...

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
Tuan Pengerusi, ini sangat penting.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak bagilah.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**  
Tetapi ini sangat penting. saya hanya mahu catat sahaja oleh kerana saya akan siasat dengan Datuk Keningau sama ada dia ada memberi...

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Peraturan Mesyuarat tidak beri, saya tidak boleh beri, Yang Berhormat.

**Tuan Ong Ka Ting:** Apabila parti Yang Berhormat jadi kerajaanlah, tengok macam mana dia siasat, sama ada berkesankah atau tidak. Masa itukah Sabah jadi lebih selamat, jadi lebih proof dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, untuk menjaga keselamatan untuk menaikkan imej untuk menyakinkan pelabur bukan satu usaha yang senang. Bila kita selalu cuba hendak beri satu satu jalan untuk kebaikan terutamanya di Sabah, janganlah Yang Berhormat daripada pihak pembangkang di Sabah itu cuba hendak heboh-heboh, macam Sabah ini tidak selamatlah, kerajaan ini banyak macam-macam yang akan bawa jauh lebih bahaya daripada yang sebenarnya dan sebagainya. Tindakan undang-undang ini tidak akan berkompromi, saya ingin menjamin di Dewan ini. Kepada sesiapa pun, sebaik sahaja ada proof, kita siasat sampai sudah yakin, sudah terbukti, kita ambil tindakan. Ini adalah semua bukti-bukti yang betul dan ikhlas. Dan sepatutnya Yang Berhormat dari Tuaran patutnya perlu mengucapkan terima kasih kepada Ketua Polis Negara kerana tindakan yang begitu tegas dan telus untuk memastikan masalah senjata api ini di Sabah sudah sampai ke satu tahap yang membahayakan. Apabila sudah nampak masalah, dengan cepat kita bertindak. Kalau sekiranya kerajaan ataupun pihak polis hendak bertindak terhadap orang Malaysia sendiri yang telah melanggar undang-undang, menyalahgunakan senjata api, saya tidak nampak apa sebabnya kita akan melindungi orang asing. Orang asing jauh

lebih tidak ada apa-apa keistimewaan dan kita ada undang-undang mengawal senjata api kalau kita hanya hearsay, dengan izin, atau dengar sahaja kita sudah bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini dan dakwaan ini tidak betul, itu tidak betul, saya rasa tidak adil untuk masa yang begitu penting untuk Dewan ini.

Walau bagaimanapun, saya nampak ada banyak teguran-teguran, dakwaan-dakwaan itu merupakan satu sangkaan dan saya rasa ini bukan tempat dan masanya untuk membahaskannya. Dengan itu secara ringkasnya telah menjawab kebanyakan perkara-perkara yang dapat saya jawab. Kalau sekiranya ada apa...

**Tuan Yunof Edward Marinking:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia bangun lagi Yang Berhormat. Tuan bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tidak, masa sudah suntuk, saya tidak benarkan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri.

**Tuan Ong Ka Ting:** Apa-apa yang tidak sempat saya jawab kita akan beri perhatian yang sewajarnya dan itu sahajalah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,896,000 untuk Maksud B.35; RM206,600,000 untuk Maksud B.36; RM3,184,200 untuk Maksud B.37; RM2,295,540 untuk Maksud B.39 dan RM3,433,741 untuk Maksud B.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,896,000 untuk Maksud B.35; RM206,600,000 untuk Maksud B.36; RM3,184,200 untuk Maksud B.37; RM2,295,540 untuk Maksud B.39 dan RM3,433,741 Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 juta untuk Maksud P.35 dan RM35,900,000 untuk Maksud P.36 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 juta Maksud P.35 dan RM35,900,000 untuk Maksud P.36 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 1995.

**Maksud P.42 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 1995)—**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

[Tiada Perbincangan]

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,965,000 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,965,000 untuk Maksud P. 42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 1995.

**Maksud P. 44 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 1995]—**

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Pembangunan P. 44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

**[Tiada Perbahasan]**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM8,793,200 untuk Maksud P. 44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Penerangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM8,793,200 untuk Maksud P. 44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 1995.

**Maksud P. 45 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 1995]—**

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Pembangunan P. 45 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas.

**[Tiada Perbahasan]**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM7,650,000 untuk Maksud P. 45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Sumber Manusia hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,650,000 untuk Maksud P. 45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 1995.

**Maksud P. 47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 1995]—**

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Pembangunan P. 47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

**[Tiada Perbahasan]**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak 26,750,010 untuk Maksud P. 47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM26,750,010 untuk Maksud P. 47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 1995.

**Maksud P. 49 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 1) 1996]—**

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Pembangunan P. 49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas.

**[Tiada Perbahasan]**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM12,200,000 untuk Maksud P. 49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1996 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.



Wang sebanyak RM112,200,000 untuk Maksud P. 49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 1) 1996.

**Maksud P. 51 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 1995]—**

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Pembangunan P. 51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas.

**[Tiada Perbahasan]**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM14,999,052 untuk Maksud P. 51 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Luar Negeri hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM14,999,052 untuk Maksud P. 51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 1995.

**Maksud B. 53 [Jadual]—  
Maksud P. 53 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 1995]—**

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Pembangunan P. 53 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas.

**[Tiada Perbahasan]**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM9,349,100 untuk Maksud B.53 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM9,349,100 untuk Maksud B. 53 diluluskan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10,468,900 untuk Maksud P. 53 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,468,900 untuk Maksud P. 53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 4) 1995.

**Maksud B.54 (Jadual)**

**Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 1995)—**

**Maksud P.48 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1996)—**

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Maksud Bekalan B.54, di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas.

**(Tiada Perbahasan)**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM9,170,100 untuk Maksud B.54 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM9,170,100 untuk Maksud B.54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengersui (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM80,000,010 untuk Maksud P.54 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Keempat bagi tahun 1995 dan RM76,790,000 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM80,000,010 untuk Maksud P.54 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.4) 1995 dan RM76,790,000 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1996.

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia enam ratus lima juta, lapan ratus dua puluh ribu, tujuh ratus empat belas (RM605,820,714) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan:

- (i) bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus enam belas juta, lapan ratus tiga puluh ribu, enam ratus lapan puluh empat (RM416,830,684) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang

dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua nyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas nyata tersebut; dan

- (ii) bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu ratus lapan puluh lapan juta, sembilan ratus sembilan puluh ribu tiga puluh (RM188,990,030) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua nyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1996 yang dibentangkan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas nyata tersebut.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No.2) 1996 telah ditibangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia enam ratus lima juta, lapan ratus dua puluh ribu, tujuh ratus empat belas (RM605,820,714) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan:

- (i) bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus enam belas juta, lapan ratus tiga puluh ribu, enam ratus lapan puluh empat

(RM416,830,684) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Keempat, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut; dan

- (ii) bagi tahun kewangan 1996, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia satu ratus lapan puluh juta, sembilan ratus sembilan puluh ribu tiga puluh (RM188,900,030) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1996 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesepuluh dan kesebelas penyata tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.07 malam.*